

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI SAINS GUNAAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN STAF

KETUA PTJ :

MOHD. ROZI BIN AHMAD

KETUA UNIT KUALITI :

NUR AIMI BINTI JANI

PENYELARAS :

NOR SUHAILA BINTI MOHAMAD HANAPI

PENULIS :

1. HAIRUL AMANI BT ABDUL HAMID
2. HAIRUL AMANI BT ABDUL HAMID
3. LIM YING CHIN
4. MARYAM BINTI HUSIN
5. HAMIZAH BINTI MD RASID
6. WAN RAZARINAH BINTI WAN ABDUL RAZAK
7. WAN SAIDATUL SYIDA BT WAN KAMARUDIN

8. FAIRUZAH ZAHAROS BINTI MANSOR
9. NORAISHAH BINTI ABDULLAH
10. SITI RAIHAN BINTI ZAKARIA
11. KHAIRIL ANUAR BIN JANTAN
12. SABRINA BINTI M YAHAYA
13. AINNUR - SHERENE BINTI KAMISAN
14. NUR HAMIZAH BINTI MOHD ZAKI
15. NURUL IZRINI BINTI IKHSAN
16. MOHD AZIZI BIN NAWAWI
17. MOHD AZRI BIN AB RANI
18. MOHD IZWAN BIN MOHAMAD YUSOF
19. JUDITH GISIP
20. MARINA BINTI ZULKIFLI
21. ASMEDA BINTI RAJAB
22. TENGKU IDZZAN NADZIRAH BINTI TENGKU IDRIS
23. NOR AZURA BINTI SULONG
24. YUSLINAWATI BINTI MOD YUSOFF
25. HAMIZAH BINTI MOHD ZAKI
26. NUR VICKY BINTI BIHUD
27. MOHD TAJUDIN B MOHD ALI
28. ZITTY SARAH BINTI ISMAIL
29. NORAINI BINTI KASIM
30. SITI FAIRUZ BINTI MD ZEN
31. MOHD ABDUL FATAH BIN ABDUL MANAN
32. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
33. NURULAIN BINTI MUSTAFA UDIN
34. NOR SUHAILA BINTI MOHAMAD HANAPI
35. NUR AIMI BINTI JANI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kehebatan FSG pada tahun 2023 terbukti dengan pengiktirafan dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023** dengan penganugerahan **6 bintang PTJ** dan **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik**. Kecemerlangan kepimpinan FSG di dalam pembangunan staf makin terserlah apabila FSG berjaya mencatat **sejarah** sekali lagi dengan **tersenarainya** dua subjek iaitu **Kimia dan Fizik & Astronomi dalam QS World University Ranking (QS WUR) by Subject 2024**. Subjek tersebut **merupakan satu-satunya subjek baharu** tersenarai di UiTM pada **QS WUR 2024**. FSG terus unggul apabila seorang penyelidik FSG merangkul **Juara Musim Pertama INNOVATHON** dalam **program TV Malaysia, kerjasama MOSTI/Astro**. Ini membuktikan FSG diterajui barisan Kepimpinan Kanan yang **berkaliber, berkarisma dan dinamik** yang meletakkan pengurusan dan pembangunan staf sebagai agenda utama. Dalam merealisasikan pencapaian aspirasi UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025, Kepimpinan Kanan FSG merangka dan menjayakan inisiatif strategik berdasarkan 71 petunjuk prestasi yang didokumentasikan dalam **Pelan Tindakan Strategik (SAP) FSG 2023** yang memfokuskan kepada pencapaian **TIGA** tunjang '**Globally Marketable**' iaitu '**World Class Faculty Members, Turning Globally Marketable Staff dan Excellent Supporting Staff**'.

Perancangan Kepimpinan Kanan FSG dizahirkan melalui Pelan Strategik UiTM 2025 berhasrat membawa UiTM mencapai taraf Universiti Terkemuka Dunia. Bagi mencapai objektif ini, Kepimpinan Kanan meningkatkan kecemerlangan organisasi melalui inisiatif strategik yang dirangka dengan memantau **kualiti pengurusan dan pembangunan stafnya**. Pemeraksanaan sumber manusia dan pembangunan staf dilaksanakan melalui teras strategik pengurusan dan pembangunan sumber manusia (PPSM) berteraskan **INOVASI MODEL KEPIMPINAN FSG** dan **INOVASI MANUAL TADBIR URUS FSG**. Melalui PPSM, **empat agenda** utama ditetapkan seperti (1) Perancangan sumber manusia yang komprehensif dan dinamik, (2) Pemeraksanaan program pembangunan sumber manusia, pembangunan kerjaya dan pembangunan kepimpinan, (3) Pengurusan kewangan yang telus dan terancang dan (4) Mewujudkan budaya kerja berprestasi tinggi bagi meningkatkan komitmen terhadap kerja.

Pelaksanaan agenda yang dirangka memastikan kecemerlangan staf FSG, dan usaha ini telah membentuk warga yang mempunyai **budaya kerja yang dinamik**, fokus kepada kecemerlangan pencapaian serta bersedia menghadapi transformasi baru. Transformasi pelaksanaan segala aktiviti staf telah dilakukan secara aktif, seperti kolaborasi **antarabangsa** melalui pemeteraian MoA/MoU bersama pihak industri dan universiti luar negara, penganjuran konferensi antarabangsa, bengkel dan webinar, projek komuniti dan juga kolaborasi industri. Keberkesanan ini dapat dilihat dengan penghasilan **20 MoU/MoA**, penglibatan **lebih 200 staf makmal** dalam 8 bengkel kompetensi, dan penjana pendapatan **melebihi RM 4.4 juta** melalui geran industri, kebangsaan dan antarabangsa.

Proses pemantauan yang berkesan dalam bidang tumpuan telah dilakukan secara **strategik, berkala dan sistematik**. Pelan inisiatif strategik telah berjaya direalisasikan melalui pemantauan berkesan menerusi siri mesyuarat pengurusan melibatkan MPE, JAF, PPSM, JKAPS dan MKSP yang diadakan sebanyak 60 kali pada tahun 2023. Kepimpinan Kanan telah memfokuskan mekanisma pemantauan secara terperinci melibatkan pengurusan kanan, Unit Kualiti dan juga Jawatankuasa Pemilik Risiko FSG.

Penambahbaikan hasil pemantauan berkaitan pembangunan staf dilaksanakan melalui hasil dapatan MPE, PPSM, MTAF, MKSP dan input dari warga melalui perjumpaan dekan bersama staf berteraskan **SAP 2023**. Mekanisma penambahbaikan yang dipraktikkan adalah melalui analisa SWOT, Laporan Audit Dalaman FSG, Laporan Audit Luar InQKA, semakan tadbir urus dan perjawatan dan bengkel strategik. Penambahbaikan berterusan ini bertujuan memastikan setiap objektif dan strategik yang disasarkan tercapai dan dibudayakan dengan berkesan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Barisan Kepimpinan Kanan FSG yang diterajui oleh Dekan telah berjaya menggerakkan warga FSG secara sistematik dan jitu dalam mengekalkan kecemerlangan fakulti. Kejayaan ini hasil kekuatan struktur Kepimpinan Kanan yang menggunakan kaedah pendekatan yang cemerlang dalam mengemudi FSG. FSG telah berjaya menghasilkan sinergi pengurusan efektif dan cekap dengan **mengaplikasikan struktur kepimpinan seimbang** di mana Kepimpinan Kanan FSG telah dibangunkan daripada gabungan staf berpengalaman luas dan generasi pelapis yang berkaliber (Rajah 1.2(1a)), disokong kuat oleh barisan pengurusan HEA, HEP, PJIA dan pengurusan makmal.

Kecekapan barisan Kepimpinan Kanan telah berjaya mentadbir seramai **295 orang staf** (216 orang staf akademik dan 79 orang staf pentadbiran) dan lebih dari 4000 pelajar termasuk staf di 10 cawangan FSG di UiTM seluruh negara.

Pelan Tindakan Strategik (SAP) FSG 2023 telah memfokuskan kepada pencapaian **TIGA** tunjang **Globally Marketable** iaitu *World Class Faculty Members, Turning Globally Marketable Staff* dan *Excellent Supporting Staff* (Rajah 1.2(1b)). Barisan Kepimpinan Kanan FSG telah menggerakkan 71 petunjuk prestasi (PI) yang diturunkan kepada staf FSG melalui **5 Pendekatan Kepimpinan** (Rajah 1.2(1c)) bagi mencapai kecemerlangan di dalam bidang tumpuan.

Bagi mengerakkan staf FSG menjayakan aktiviti yang dirancang dengan efisien dan saksama, Kepimpinan Kanan telah menggunakan pendekatan elemen inovasi seperti berikut:

(i) **Berteraskan lima Kluster Kecemerlangan berasaskan Model #FSGPadu** yang berlandaskan 71 PI. Pemantapan **transformasi model kepimpinan** FSG telah dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Akademik, Pelajar, Penyelidikan & Inovasi, Keusahawanan dan Pentadbiran (Rajah 1.2(2a)).

(ii) **Mempraktikkan Inovasi Model Perancangan Kepimpinan Kanan FSG**. Barisan Kepimpinan Kanan FSG telah menggunakan pendekatan yang berlandaskan kepada model pengurusan yang tersusun dan sistematik (Rajah 1.2(2b)) yang diadaptasi dari *Malcolm Baldrige Excellence Framework*. Ianya meliputi pembangunan objektif, penetapan dan pelaksanaan strategi dan penilaian bagi melaksanakan pengurusan dan pembangunan staf FSG yang dinamik dan progresif.

(iii) **Pembangunan dan pelaksanaan perancangan strategik** telah direalisasikan oleh Kepimpinan Kanan FSG bersama Penyelaras Perancangan Strategik selaras dengan Kerangka Penjajaran Perancangan Pelan Strategik FSG 2023 (Rajah 1.2(2c)).

(iv) **Pelaksanaan objektif kualiti pragmatik**. Barisan ahli Unit Kualiti (UK) yang dipimpin oleh Dekan FSG telah memacu objektif kualiti yang holistik demi memastikan perancangan inisiatif strategik dilaksanakan dalam kawalan kualiti terbaik (Rajah 1.2(3a)).

(v) **Memantapkan kelestarian pengurusan kewangan**. Pengurusan dan pemantauan kewangan melalui **Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti (MTAF), Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** untuk melancarkan aktiviti bidang tumpuan (Rajah 1.2(4a)).

Di samping itu, **SEPULUH** daripada tiga belas inisiatif (Rajah 1.2(5a)) telah dilaksanakan sejajar dengan tema strategik ke-4 dan ke-6 **GRU2025**, *Talent Excellence, Translational Research Development, Innovation and Commercialization* bagi memperkukuhkan pengurusan sumber manusia dan melonjakkan keternampakan bakat staf FSG bagi mencapai aspirasi pembangunan bakat yang unggul.

Hasilnya pada tahun 2023, FSG telah berjaya meraih **6 anugerah di Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti** antaranya **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik** dan tempat kedua untuk **Pillar: World Class Faculty Members (Staf Akademik)** (Rajah

1.2(33)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_K01_KB02_20241_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB02_20242_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB02_20243_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_K01_KB02_20244_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_K01_KB02_20245_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.2\(5\).pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kejayaan sesebuah objektif dan inisiatif strategik terletak pada kecekapan Kepimpinan Kanan dalam memastikan semua usaha yang telah dirancang dilaksanakan secara berkesan dan efisien. Kepimpinan Kanan FSG telah memacu pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik ke seluruh UiTM** bagi mencapai halatuju UiTM2025 melalui pendekatan, perluasan dan pemantauan yang jitu. Strategi utama Kepimpinan Kanan FSG adalah menyampaikan maklumat objektif dan inisiatif strategik secara jelas, meluas dan mudah difahami dalam meningkatkan kualiti pengurusan dan pembangunan staf.

Perluasan Kepimpinan Kanan FSG telah berjaya dilaksanakan melalui **TIGA peringkat utama** iaitu FSG, UiTM dan Kebangsaan, dan Antarabangsa (Rajah 1.3(1a)).

1. EMPAT kaedah utama penyebaran maklumat telah dilaksanakan **di peringkat FSG**:

(i) Taklimat Dekan dan Kepimpinan Kanan: Diadakan 2 kali setahun bertujuan memastikan pemahaman tentang pelaksanaan strategi dan inisiatif UiTM 2025 (Rajah 1.3(2a)).

(ii) Mesyuarat pengurusan: Membincangkan dan membuat keputusan berkaitan aspek pengurusan dan pembangunan staf (Rajah 1.3(2b)).

(iii) Media elektronik: E-mel dan *WhatsApp* berperanan untuk penyampaian maklumat yang cepat dan meluas (Rajah 1.3(2c)).

(iv) Laman web FSG dan RIA FSG: Platform untuk berkongsi maklumat penting, sumber pembelajaran dan perkembangan terkini (Rajah 1.3(2d)).

2. LIMA kaedah utama penyebaran maklumat telah dilaksanakan **di peringkat UiTM dan Kebangsaan**:

(i) Bengkel dan seminar: Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf, melahirkan staf berdaya saing serta menyumbang kepada agenda universiti (Rajah 1.3(3a)).

(ii) Pertandingan KIK: Menguatkan implementasi objektif dan inisiatif strategik, merangsang inovasi di kalangan staf (Rajah 1.3(3b)).

(iii) Lawatan penanda aras: Membandingkan prestasi dan amalan dengan institusi lain serta membuktikan kualiti akademik dan perkhidmatan FSG (Rajah 1.3(3c)).

(iv) Kolaborasi bersama industri: Menyasar inovasi dan penambahbaikan dalam pengurusan dan teknologi, membantu staf mengembangkan kemahiran penyelidikan (Rajah 1.3(3d)).

(v) Projek Komuniti: Memperkuat hubungan antara universiti dengan komuniti serta menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi (Rajah 1.3(3e)).

3. EMPAT kaedah utama penyebaran maklumat telah dilaksanakan **di peringkat antarabangsa**:

(i) Konferensi antarabangsa: Platform untuk meningkatkan visibiliti dan pengaruh dalam komuniti akademik dan profesional. Pada tahun 2023, FSG telah menganjurkan 2 konferensi antarabangsa iaitu SKAM35 dan ICONSTAS2023 yang telah mengumpulkan ahli akademik dan penyelidik dari dalam dan luar negara (Rajah 1.3(4a)).

(ii) Penerbitan jurnal seperti *Science Letters* dan *JSC*: Memperluaskan pengaruh FSG di kalangan komuniti akademik dan profesional antarabangsa (Rajah 1.3(4b)).

(iii) Kolaborasi antarabangsa: Membangun jaringan kolaborasi antarabangsa, melalui pertukaran kepakaran dan pengalaman. Ini termasuk seminar penyelidikan dan lawatan akademik dengan rakan dari Indonesia, Vietnam, Pakistan, Poland, Romania, dan Amerika Syarikat (Rajah 1.3(4c)).

(iv) Media sosial: *Facebook, Instagram* dan *Tiktok* rasmi FSG digunakan untuk meningkatkan reputasi FSG di seluruh dunia (Rajah 1.3(4d)).

Kepimpinan Kanan FSG **memainkan peranan penting dalam menyebarkan objektif dan inisiatif strategik melalui pendekatan yang terancang dan berkesan.** Dengan langkah-langkah ini, membantu meningkatkan keterlibatan warga FSG secara aktif dalam menjayakan segala aktiviti, penyampaian maklumat yang jelas, serta memperkasakan pengurusan dan pembangunan staf, Kepimpinan Kanan memperkukuhkan integriti dalam meningkatkan reputasi FSG. Hasil perluasan berkesan ini dapat dibuktikan dengan kejayaan yang dikecapi hasil kerjasama semua staf FSG pada tahun 2023. Hasil kerjasama cemerlang staf FSG di bawah Kepimpinan Kanan yang komited, FSG telah mengungguli Anugerah 6 Bintang PTJ dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023 (Rajah 1.2(5b)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB03_20241_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB03_20242_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB03_20243_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_K01_KB03_20244_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.3\(4\).pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil pemantauan **digunakan untuk kajisemula pengurusan** bidang tumpuan telah dilakukan secara **strategik, berkala dan sistematik** dengan **pendekatan secara top-down dan bottom-up**. Pencapaian pelaksanaan pengurusan sentiasa dikenalpasti, ditambah baik dan disemak semula oleh Kepimpinan Kanan FSG menerusi model inovasi **#FSGPadu** yang berasaskan model kecemerlangan *Malcolm Baldrige Excellence Framework* (Rajah 1.4.1(1a)) dan Manual Tadbir Urus FSG (Rajah 1.4.1(1b)).

Pelan inisiatif strategik yang mengandungi **71 PI** berfokuskan **pengurusan dan pembangunan staf** telah berjaya direalisasikan melalui pemantauan berkesan menerusi siri mesyuarat pengurusan yang diadakan sebanyak **60 kali** setahun. Kepimpinan Kanan telah memfokuskan mekanisma pemantauan secara terperinci melibatkan pengurusan kanan, Unit Kualiti dan juga Unit Pengurusan Risiko FSG (Rajah 1.4.1(1c)).

Kepimpinan Kanan FSG telah melaksanakan pemantauan berterusan bagi mengenalpasti **pencapaian** melalui beberapa mekanisma pemantauan iaitu:

1. Pengenalpastian pencapaian petunjuk prestasi bidang tumpuan menerusi **Bengkel Perancangan Strategik FSG** (Rajah 1.4.1(2a)).
2. Pemantauan menyeluruh, konsisten dan berkala melibatkan Ketua Unit Kualiti (KUK), Penyelaras Pengurusan Risiko, dan Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) (Rajah 1.4.1(2b)). Agenda mesyuarat meliputi latihan staf, pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, peruntukan kewangan, etika kerja, penyediaan laporan prestasi staf (LNPT, MyATP dan PROPENS), kehadiran kerja, pengurusan cuti staf (HR2U) dan pelaksanaan pelan tindakan kawalan risiko di FSG.
3. Pemantauan pencapaian dan keberkesanan program berdasarkan **pelaporan yang diperolehi** dari mesyuarat telah digunakan untuk **mengkaji semula** dan **menambahbaik** sistem pengurusan setiap bahagian (Jadual 1).
4. Pemantauan melalui pelaksanaan audit FSG telah diadakan pada 5 - 7 September 2023 (Rajah 1.4.1(3a)).

Kepimpinan Kanan FSG juga telah melaksanakan pemantauan bagi mengenalpasti punca **kegagalan** sesuatu inisiatif dengan kaedah seperti berikut:

1. Pengenalpastian punca kegagalan melalui MPE (MPE Bil. 4/2023) dan MKSP FSG (Minit Mesyuarat MKSP Bil. 1 Tahun 2023) (Rajah 1.4.1(4a)).
2. Pembentangan mengenai risiko dalam MPR adalah berdasarkan input yang dinyatakan dalam Daftar Risiko FSG (MPR Bil. 1/2023) (Rajah 1.4.1(4b)). Di samping itu, tahap keparahan risiko dikemaskini dalam sistem e-RMS UiTM.
3. Pencapaian Objektif Kualiti dipantau secara berkala (Mesyuarat bersama AJK Audit Dalam FSG pada 23 Mac 2023 (Rajah 1.4.1(4c)).

Kesimpulannya, hasil pemantauan berkesan Kepimpinan Kanan FSG, kesemua PI di bawah pembangunan staf telah berjaya mencapai **“100% SAP completion status”** pada tahun 2023.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_K01_KB04_KC01_20241_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB04_KC01_20242_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB04_KC01_20243_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(3\).pdf](#)

4. [R0019_R01_RB04_R001_20244_F3G_Lampiran Kepimimpinan 1.4.1\(4\)_1.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan FSG telah **Merancang Tindakan Pencegahan** memperkasakan Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) FSG menerusi perlantikan Penyelaras Pengurusan Risiko yang melapor terus kepada Dekan (Rajah 1.2(1a) dan Rajah 1.4.2(1a)). Proses persediaan dan penilaian awal risiko melalui Bengkel Jawatankuasa Risiko (JPR) (14/12/2022, 21/6/2023 dan 1/11/2023) telah diadakan setiap kali sebelum Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR) (Rajah 1.4.2(1b)) sebagai inisiatif FSG membudayakan pengurusan risiko FSG yang efektif. Manakala proses memuktamadkan penilaian risiko itu dilakukan dalam MPR (11/1/2023, 5/7/2023 dan 15/11/2023).

Risiko dikenalpasti telah didaftarkan di dalam Daftar Risiko FSG 2023 (Rajah 1.4.1(4b)) dan **sistem e-RMS** (Rajah 1.4.2(1c)) yang telah dibangunkan oleh pihak UPR UiTM dan pihak JPR FSG adalah PTJ yg mengguna pakai sistem itu untuk mengawal risiko dengan lebih sistematik dan efisien. Kepimpinan Kanan FSG **Merancang Tindakan Pencegahan** bagi risiko yang melibatkan faktor kekangan kewangan dan sumber manusia di fakulti. Aktiviti-aktiviti seperti MoU/MoA (Rajah 1.4.2(2a)) dan pelaksanaan projek FSG PRO 2.0 (berjaya menghasilkan 12 staf dengan pengalaman industri (3 tahun); 180 staf dengan kelayakan PhD; 65 staf berkelayakan profesional; 71 keahlian badan profesional; 3 staf sangkutan bersama 300 *Top University*) (Rajah 1.4.2(3a)) adalah antara kaedah proaktif yang telah dilaksanakan untuk mengawal risiko yang telah dikenalpasti.

Selain itu, Kepimpinan Kanan FSG telah **Merancang Tindakan Pencegahan** bagi risiko melibatkan staf dan keberkesanan program di fakulti dengan penganjuran taklimat kecekapan kepimpinan (**ESI-iDART**), penganjuran program **Happiness Index**, pemerksaan kakitangan untuk mendapatkan kepuasan kerja (**1 staf DM52; 5 staf DM54; dan 2 staf VK7**) (Rajah 1.4.2(3b)) dan memperolehi peruntukan **RM330,000** bagi menampung pembelian bahan pakai habis dan aktiviti pelajar (program akademik) (Rajah 1.4.2(4a)).

Kepimpinan Kanan FSG juga telah **Merancang Tindakan Pencegahan** bagi risiko yang melibatkan aktiviti ICAN, penerbitan dan geran penyelidikan untuk mengurangkan kesan dan impak kepada prestasi dan produktiviti staf dalam penyelidikan dengan pemantauan dan peringatan berkala melalui e-mel, aplikasi *WhatsApp*, surat dan sebagainya; projek RIA-ICAN 2023, RIA- Publication 2023, RIA-Grant 2023; bengkel FRGS; dan bengkel MEE 3.0. (1.4.2(4b)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB04_KC02_20241_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB04_KC02_20242_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_K01_KB04_KC02_20243_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(3\)_1.pdf](#)
4. [K0019_K01_KB04_KC02_20244_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.2\(4\)_1.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan FSG telah meningkatkan prestasi dalam bidang tumpuan dengan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap hasil analisa pemantauan dan pencapaian inisiatif dibentangkan oleh PSTU di dalam MPE dan MKSP, melalui **pemantauan berkala (MKSP - 3 kali, Audit Dalam; MPE - 12 kali), dan pembentangan strategik** (Rajah 1.4.1(2b)). Tindakan hasil penganalisaan **yang diambil oleh Kepimpinan FSG dikongsi kepada warga FSG** melalui taklimat dekan dan Kepimpinan Kanan FSG (2 kali setahun) (Rajah 1.4.3(1a)), hebahan e-mel dan *e-Bulletin* FSG agar warga mendapat input secara tepat dan pantas (Rajah 1.4.3(1b)). Selain itu, mekanisma ini juga melibatkan warga dalam memberi input penambahbaikan berterusan melalui “7 Langkah Mudah” (Rajah 1.4.3(1c)).

Kepimpinan Kanan FSG telah menunjukkan bahawa penambahbaikan berterusan dan maklumbalas dari warga staf adalah sangat penting dengan melaksanakan pemantauan pengurusan tertinggi secara **pendekatan top-down dan bottom-up** di mana semua barisan Kepimpinan Kanan FSG akan dinilai dan diberi maklumbalas oleh warga FSG berdasarkan portfolio masing-masing (Rajah 1.4.1(1a)). Hasil penganalisaan pemantauan dari perbincangan di peringkat Kepimpinan Kanan FSG dan peringkat pentadbiran setiap pusat pengajian dan jabatan akan segera dimaklumkan dan diuar-uarkan kepada staf FSG secara menyeluruh melalui taklimat, perjumpaan dan media elektronik untuk memastikan semua warga memahami dan bekerjasama menangani dan mencegah risiko berkaitan di masa hadapan (Rajah 1.4.3(1a)). Oleh itu, kaedah untuk mengatasi dan penambahbaikan dapat dijalankan dengan lebih berkesan di semua peringkat yang terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_K01_KB04_KC03_20241_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.4.3\(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan Kepimpinan Kanan FSG mencapai objektif dan inisiatif strategik dapat dilihat dengan pencapaian Skor i-UiTM melebihi **90% untuk 5 tahun** berturut-turut dari 2018-2023 bersamaan **6 STAR rating**.

Pada tahun 2023, kecemerlangan pembangunan **staf FSG telah mencipta satu lagi kejayaan gemilang** apabila **dua subjek** terkemuka, Kimia dan Fizik & Astronomi, telah meraih pengiktirafan hebat dengan tersenarai dalam **QS World University Ranking (WUR) by Subject 2024**. Ini bukan sahaja menandakan **peningkatan luar biasa** dalam kualiti pendidikan dan penyelidikan FSG, tetapi juga membuktikan bahawa institusi ini terus **menetapkan piawaian tinggi** di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini adalah bukti keteguhan dan dedikasi FSG dalam melahirkan **cendekiawan bertaraf dunia** dan menerajui bidang sains dengan penuh cemerlang.

FSG terus unggul apabila seorang penyelidiknya **merangkul Juara program INNOVATHON anjuran Program TV MALAYSIA dengan hadiah bernilai RM 1 Juta ringgit** (Rajah 1.5(1a)) dan juga dianugerahkan **“Best Book For Food Professional in the World” di peringkat antarabangsa**.

Kejayaan-kejayaan hasil inisiatif yang cemerlang telah diukur melalui penghasilan inovasi dan penambahbaikan proses melalui analisa SWOT dan model pemantauan yang efisien berdasarkan **3 Inovasi Kejayaan Kepimpinan** (Rajah 1.5(1b)).

i) **Manual Tadbir Urus FSG** tercetus dari sistem tadbir urus 1UiTM: *multisystem* (Rajah 1.5 (2a)). FSG merupakan satu-satunya fakulti yang telah menghasilkan buku panduan tadbir urus yang lengkap dan tepat bagi membolehkan pengurusan dan pengoperasian fakulti yang lebih mantap dan efisien.

ii) **Inovasi melalui Model “FSG Succession Plan”** (Rajah 1.5(2b)). Pelan penggantian yang dizahirkan FSG ini bertujuan memberi peluang kepada semua staf yang bakal menjawat jawatan Kepimpinan Kanan untuk bersedia dengan tanggungjawab menerusi latihan menyeluruh. Pelan penggantian ini juga disemak dan dimurnikan dari semasa ke semasa. Hasil inovasi ini telah berjaya melahirkan staf yang menjawat jawatan pentadbiran penting universiti.

iii) Pembudayaan pembangunan staf melalui gabungan tadbir urus cemerlang dan kerjasama mantap staf FSG dapat dilihat melalui pelaksanaan inovasi menerusi **FSG2Community dan FSG2Global**. Menerusi FSG2Community, pemerikasaan perkongsian ilmu dengan komuniti setempat telah dipergiatkan dan berjaya merangkul Johan dalam **Anugerah Program Komuniti: Kerjasama Industri Alumni Berimpak** dan Naib Johan dalam Program Lestari Agrofarm2u di **Anugerah MeTIC 2023** (Rajah 1.5(2c)). Menerusi FSG2Global, ketampakan 4 staf FSG terserlah sebagai penceramah jemputan di konferensi antarabangsa dan pensyarah pelawat di universiti luar negara.

Kepimpinan Kanan FSG juga **TELAH menjayakan objektif dan inisiatif strategik** melalui **komunikasi dan hebahan** yang berkesan menerusi mesyuarat fakulti, e-mel dan aplikasi komunikasi sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook* (Rajah 1.3 (2c), (2d) dan (4d)). Ini bagi memastikan perkembangan inisiatif strategik dapat dipantau, disalur dan dihebahkan. Perkara ini membuktikan komitmen Kepimpinan Kanan FSG dalam memberi maklumat kepada staf mengenai hala tuju FSG selaras dengan aspirasi UiTM. Kepimpinan Kanan FSG **TELAH membuktikan kecemerlangan dalam pembudayaan objektif dan inisiatif strategik dengan pencapaian “100% SAP completion status”**. Kecemerlangan kepimpinan telah dapat dibuktikan dengan kejayaan FSG merangkul **Anugerah 6 bintang PTJ dan Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik** (KPI Tinggi, SAP Tinggi) di AKPU 2023 (Rajah 1.2 (5b)).

Kesimpulannya, pembudayaan kepimpinan dengan sistem pengurusan cemerlang, kerjasama mantap dari semua warga dan pelbagai pelaksanaan **inovasi yang strategik** telah menghasilkan kemenjadian staf yang holistik dan sekaligus melonjakkan kecemerlangan FSG

... dan masa 5000, kesedaran dan jaga peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_K01_KB05_20241_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(1\).pdf](#)
2. [K0019_K01_KB05_20242_FSG_Lampiran Kepimpinan 1.5\(2\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2023 menunjukkan satu kejayaan yang membanggakan apabila FSG adalah salah satu fakulti yang mencapai **100% SAP “Completion Status”** dan memperolehi **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik** di AKPU 2023. Ianya hasil daripada perancangan strategik FSG yang sistematik, strategi dan holistik.

PLAN: Perancangan strategik (Plan) Fakulti Sains Gunaan (FSG) bagi tempoh 2021-2025 telah dirangka bagi mendokong penuh objektif fakulti dan UiTM dalam menjadikan UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menerusi kemenjadian staf yang holistik, dinamik dan berdaya saing di peringkat global. Di antara Objektif Kualiti FSG adalah memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu melalui pengkomersilan produk hasil penyelidikan dan perundingan **kepakaran staf**. Justeru, **Perancangan strategik (PS) FSG** berimpak tinggi telah dirangka berdasarkan **Model Penjajaran Perancangan Strategik FSG 2021-2025** selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022 – 2025 (PTPTM), Pelan Strategik UiTM 2025, dan Objektif Kualiti FSG 2019 - 2025. Bagi mendokong gelombang transformasi tahun 2023 UiTM2025: “*Globally Marketable*” dan 6 tonggak dasar Membangun Malaysia Madani, PS FSG juga mengambil kira input daripada Universiti-universiti Penyelidikan, Universiti-universiti luar dan rakan-rakan kolaborasi melalui program seperti Lawatan Delegasi.

DO: Inisiatif strategik FSG telah **dilaksanakan (Do)** berdasarkan **Model #FSGPadu** yang merangkumi lima kluster kecemerlangan: (1) **Pengurusan tadbir urus dan kepimpinan mampan** (2) **Kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran** (3) **Graduan holistik dan seimbang** (4) **Kecemerlangan keusahawanan** (5) **Penyelidikan, inovasi, industri dan masyarakat**. Pada tahun 2023, 71 PI telah diperturunkan kepada FSG dimana **55% PI** ditindikkan kepada inisiatif bidang tumpuan yang merangkumi **FSG Pro 2.0, FSG Girang 2.0, FSG Boleh! 2023, Entrepreneur FSG, RIA-ICAN 2023, RIA-Publication 2023 dan RIA-Grant 2023, Asean Youth University Summit 2023 (AUYS 2023) dan FSG EDU Excellente**. Bagi memastikan kelancaran pengurusan serta pemantauan inisiatif, beberapa **fasa bengkel strategik, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik FSG** telah dilaksanakan dengan penglibatan proaktif bersama Dr Nur Amalina Mustaffa, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU).

CHECK: Menerusi fasa bengkel berkala yang diadakan, risiko, kemajuan dan pencapaian inisiatif strategik telah dipantau secara efektif oleh Kepimpinan Kanan FSG berdasarkan pendekatan PDCA (*Plan, Do, Check & Act*). Tiga **mekanisme pemantauan yang sistematik** yang dilaksanakan ialah melalui Tadbir urus FSG – Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Sistem UiTM Strategic Management System (UiSMS) dan Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS). PSTU diberi kuasa penuh untuk mengakses sistem UiSMS dan PSTU telah membentangkan pencapaian setiap inisiatif dalam **9 sesi bengkel dan Mesyuarat Perancangan Strategik FSG, 12 MPE, 12 MTAf dan 2 MKSP**.

ACT:

Dalam memastikan Perancangan Strategik FSG dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik maka, risiko setiap inisiatif telah dikenalpasti (Act) di peringkat FSG melalui **6 siri bengkel** dan didaftarkan menerusi sistem UiSMS. Langkah ini dilakukan bagi memastikan tindakan mitigasi risiko dapat dikenal pasti lebih awal agar tindakan penambahbaikan berjaya dilaksanakan. Pelbagai mekanisma melibatkan seluruh warga dalam

memberi input penambahbaikan telah dilaksanakan menerusi taklimat dekan, bengkel dan mesyuarat secara berkala. Penjajaran kepada **Analisa SWOT** telah dilaksanakan menerusi bengkel pemurnian perancangan strategik bagi merealisasikan tindakan penambahbaikan Perancangan Strategik FSG.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

INOVASI Model Kerangka Penjajaran Perancangan Strategik FSG 2023 mengambil kira perubahan dasar serta hala tuju UiTM dalam merangka inisiatif bagi memenuhi petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan. Ianya dirangka berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022–2025 (PPPM) dan GRU2025, Objektif Kualiti FSG yang dipetakan kepada **Model #FSGPadu** dan **Pelan Perancangan Strategik FSG** (Rajah 2.2(1a)). Penilaian serta kedudukan semasa FSG pula dinilai melalui Analisis SWOT (Rajah 2.2(1b)).

Dalam merangka inisiatif berimpak, Perancangan Strategik FSG (PS FSG) menguruskan 71 PI yang diperturunkan menggunakan **INOVASI Model #FSGPadu** yang memetakan PI tersebut kepada lima kluster kecemerlangan (Rajah 2.2(1c)):

1. **Pengurusan tadbir urus tangkas dan pengurusan sumber manusia strategik** oleh Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia.
2. **Kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran** oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik,
3. **Graduan holistik dan seimbang** oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
4. **Kecemerlangan keusahawanan** oleh Unit Keusahawanan dan
5. **Penyelidikan, inovasi, jaringan industri dan masyarakat** yang berimpak tinggi oleh Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni.

INOVASI Proses Pengurusan PS di FSG pula melibatkan penilaian analisis SWOT dan data, pemetaan, perancangan, pelaporan dan pemantauan berkala, dan pelaksanaan penambahbaikan (Rajah 2.2 (2a)). Pendekatan ini memastikan **kesemua inisiatif diperhalusi dan dipantau untuk penambahbaikan secara berkala** agar kesemua inisiatif dilaksanakan dengan jayanya. **Kejayaan pengurusan PS FSG** adalah hasil **komitmen Kepimpinan Kanan FSG** yang diterjemahkan melalui pengurusan tadbir urus yang konsisten, cekap dan berimpak. FSG telah mengadakan 9 sesi bengkel dan Mesyuarat Perancangan Strategik FSG (Jadual 2.2(2b), 12 MPE, 12 MTAF dan 2 MKSP sepanjang tahun 2023 (Jadual 2.2(2c)).

Kepimpinan Kanan FSG juga komited dalam menghasilkan staf yang holistik serta dinamik melalui kesemua lima kluster kecemerlangan Model #FSGPadu. Kesemua 13 inisiatif iaitu **FSG Pro 2.0, FSG Girang 2.0, FSG Boleh! 2023, FSG EDU Excellente, RIA-ICAN 2023, RIA-Publication 2023, RIA-Grant 2023, Entrepreneur FSG, FSG Pocket 2.0, FSG Global 2.0, FSG Booster 2.0, Unleashing FSG Champion 2023** dan **AUYS 2023** telah disempurnakan dengan jayanya pada tahun 2023 (Rajah 2.2(3a)). **Kesemua inisiatif telah dirangka secara sistematik** berdasarkan “serampang dua mata” di mana **satu inisiatif dipetakan kepada beberapa sasaran PI sekaligus dan dipetakan juga kepada bidang tumpuan**. Inisiatif-inisiatif tersebut tertumpu kepada

1. Pembangunan dan pengembangan kumpulan bakat FSG
2. Penghayatan dan pengamalan ESI-iDART
3. Pencungkilan bakat dan penggilapan potensi.

Hasilnya, FSG **berjaya menghasilkan staf akademik bertaraf dunia dan staf pentadbiran yang berpengetahuan, berkemahiran serta berfikiran global** selaras dengan gelombang transformasi tahun 2023 UiTM 2025: “Globally Marketable”.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_P01_PB02_20241_Bukti Kriteria 2 - Rajah 2.2\(1a\) - 2.2\(1b\) - 2.2\(1c\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB02_20242_Bukti Kriteria 2 - Rajah 2.2\(2a\).pdf](#)

3. [K0019_P01_PB02_20243_Bukti Kriteria 2 - Jadual 2.2\(2b\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB02_20244_Bukti Kriteria 2 - Rajah 2.2\(2c\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB02_20245_Bukti Kriteria 2 - Rajah 2.2\(3a\).pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model Penjajaran Perancangan Strategik FSG 2021-2025 memaparkan perubahan teras yang yang digunapakai dalam perancangan selari dengan perubahan dasar dan halatuju UiTM yang selari dengan Bidang Tumpuan (BT) **TELAH DISEJAJARKAN** dengan aspirasi, hala tuju dan garis panduan di peringkat Kebangsaan, Kementerian serta Universiti (**Rajah 2.3 (1a)**). Manakala PS 2023 **TELAH DISEJAJARKAN** juga dengan tiga (3) teras UiTM2025; Prestasi berorientasikan nilai, kecemerlangan global dan pendidikan berkualiti (**Rajah 2.3(1b)**). **Jadual 2.3(1a)** menunjukkan penjajaran inisiatif PS FSG melibatkan pengurusan dan pembangunan staf kepada RMKe-12 UiTM dan UiTM2025.

Pelbagai inisiatif PS telah diwujudkan melalui pengstrukturkan dan pemantapan tadbir urus FSG untuk menerapkan staf akademik dan staf pentadbiran dengan kelangsungan ilmu, kemahiran, etika dan akhlak yang baik sejajar **lonjakan 2 (kecemerlangan staf)** dan **lonjakan 3 (menghayati pembelajaran sepanjang hayat)** yang ditekankan di dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025**. Kecemerlangan bakat diperoleh menerusi laluan kerjaya yang disediakan oleh FSG.

Umumnya, pelaksanaan PS FSG 2022-2023 adalah komprehensif dengan penglibatan setiap warga dari **dua lapisan profil (1) staf akademik**-penolong pensyarah, pensyarah, pensyarah kanan, Profesor Madya, Profesor (**2) staf pentadbiran**-kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan (**Rajah 2.3 (1c)**).

Keberhasilan daripada setiap **inisiatif** yang dilaksanakan ini secara langsung **menyumbang** kepada **kecemerlangan UiTM** secara keseluruhannya. Objektif dan inisiatif PS FSG ini disebar luas kepada seluruh warga FSG, warga UiTM, dan warga luar UiTM secara berkala melalui beberapa platform.

(1) Perluasan peringkat FSG:

i) **Taklimat Dekan**, Pengurusan Kanan bersama warga FSG (induk dan cawangan). Taklimat ini memberi pendedahan berkaitan hala tuju PS FSG bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan oleh BTU (**Rajah 2.3(2a)**).

ii) **E-mel rasmi**. Maklumat, rakaman, slaid taklimat, ucapan penghargaan, poster kejayaan serta informasi berkaitan bidang tumpuan disebar luas secara berkala oleh Unit Korporat FSG dan PJA (**Rajah 2.3(2b)**).

iii) Pembentangan **PS oleh PSTU di MPE** (setiap bulan) dan **MKSP** (sekali setahun). Input nilai tambah pelaksanaan, perubahan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan projek yang didaftarkan diperoleh melalui audit dalam di bawah Unit Kualiti dan Pengurusan Kanan fakulti. Penambahbaikan PS kemudiannya dilaksanakan melalui beberapa fasa bengkel strategik (**Rajah 2.3(2c)**).

(2) Peluasan Peringkat UiTM:

i) **Perjumpaan Dekan FSG** bersama pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang (**Rajah 2.3 (3a)**) dan TD HEP dalam **Leadership Forum UiTM 2023** di ILD (**Rajah 2.3 (3b)**).

ii) **Program Peningkatan Kemahiran Komunikasi dan Kerjaya Staf Makmal UiTM** (**Rajah 2.3 (3b)**). Program ini dianjurkan oleh unit makmal FSG dan terbuka kepada staf makmal diseluruh UiTM.

(3) Peluasan Peringkat Global:

i) **Perluasan FSG UiTM di peringkat global** melibatkan pelbagai inisiatif strategik dan salah satu langkah penting dalam usaha ini adalah dengan mengadakan lawatan delegasi ke institusi terkemuka seperti **National University of Singapore (NUS) (Rajah 2.3 (4a))**.

ii. Lawatan dari sembilan **(9) delegasi universiti luar** memperluas jaringan FSG UiTM dengan akademik dan profesional di peringkat antarabangsa. Dengan **kehadiran delegasi** dari universiti luar **(Rajah 2.3 (4b))**, UiTM dapat meneroka peluang untuk bekerjasama termasuk **projek penyelidikan bersama**, dan perlantikan **Adjunct Professor** di kalangan staf FSG. **Beberapa perjanjian kerjasama (MOU dan MOA)** telah dimeterai antara UiTM dan universiti-universiti yang mengunjungi FSG.

Lawatan delegasi universiti luar ke FSG, memperkukuhkan UiTM di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB03_20241_Bukti 1 \(Rajah 1a, 1b\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB03_20242_Bukti 2 \(Jadual 1a\).pdf](#)
3. [K0019_P01_PB03_20243_Bukti 3 \(Rajah 1c\).pdf](#)
4. [K0019_P01_PB03_20244_Bukti 4 \(Rajah 2a, 2b, 2c, 3a, 3b\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB03_20245_Bukti 5 \(Rajah 3c, 4a, 4b\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemeriksaan pelan pemantauan FSG sentiasa diberi keutamaan bagi memastikan kesemua inisiatif dalam SAP dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pemantauan setiap inisiatif mempunyai pelbagai kelebihan iaitu (1) **mewujudkan satu pangkalan data hasil dari penemuan data dan maklumat**, (2) **analisis kuantitatif dilakukan dengan baik melalui data statistik yang telah dijana**, (3) **penilaian prestasi secara berterusan dilakukan** dan (4) **tindakan mitigasi dikenalpasti**. Bagi menjayakan kesemua inisiatif tersebut, FSG telah melaksanakan pemantauan bagi semua inisiatif PS FSG seperti diperincikan di bawah:

-Proses penganalisaan data serta maklumat oleh pihak pengurusan dan penyelaras Perancangan Strategik Universiti (PSTU) FSG bagi mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi. Tadbir urus FSG menggunakan Buku Panduan Tadbir urus FSG yang digunapakai sebagai rujukan pengurusan.

-Proses pemantauan (Rajah 2.4.1(1a)) oleh PSTU menggunakan sistem atas talian iaitu sistem UePMO, dashboard Power BI bagi kemaskini pencapaian PI dan pemantauan Skor i-UiTM dan juga sistem UiSMS bagi pemantauan projek SAP yang telah diwujudkan oleh pihak BTU.

- 1-4 hari bulan setiap bulan, pengurus projek/pengarah projek membuat laporan pencapaian PI ke sistem peneraju tersedia.
- Amalan di FSG, pengarah projek turut melaporkan di excel spreadsheets "PI Monthly Update" yang disediakan oleh PSTU sendiri bagi semakan dan mengelak ketirisan data.
- Data pencapaian dari sistem UePMO akan disahkan oleh PSTU dan diverifikasi oleh Dekan FSG setiap bulan.
- Analisa pencapaian yang telah dilaporkan dan disahkan dapat dipantau oleh Dekan, PSTU, menerusi dashboard Power BI.

BTU UiTM melalui satu sistem pengurusan dan pemantau projek yang dinamakan UiTM Strategic Management System (UiSMS). Bagi setiap projek, pihak pengurusan FSG akan melantik Pengarah Projek serta ahli dimana projek tersebut akan didaftarkan di dalam sistem UiSMS. Melalui system ini, pihak pengurusan serta ahli projek boleh menganalisis maklumat terkini berkaitan aktiviti, status terkini, sumber, dokumen dan isu-isu kerana semua data dikemaskinikan sepanjang masa dan seterusnya mencadangkan tindakan pembetulan secara **Bottom-Up** atau **Top-Down**.

Apabila terdapat aktiviti yang tidak mencapai tahap yang memuaskan, satu pelan tindakan penyelesaian (*Check*) dikemukakan kepada Pengarah dan ahli projek. Tindakan penambahbaikan (*Act*) dilakukan berdasarkan cadangan yang diperolehi **melalui bengkel pemurnian PS, MPE dan MKSP**, di mana analisis SWOT juga digunapakai supaya cadangan serta input boleh dilaksanakan dengan jayanya (**Rajah 2.4.1 (2a)**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_P01_PB04_PC01_20241_Rajah 2.4.1 \(1a\).pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha melaksanakan semua inisiatif yang telah ditetapkan, terdapat juga kelompongan-kelompongan dari segi risikonya yang boleh membantutkan pencapaian inisiatif tersebut. Pengurusan risiko amat penting dimana tujuannya adalah untuk menjana keputusan yang tepat, mengurangkan semua kos terlibat, menyelesaikan isu-isu yang melibatkan organisasi bagi mematuhi semua peraturan-peraturan sediaada serta boleh melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Untuk itu aktiviti pengurusan risiko FSG yang teratur telah dilaksanakan seperti di Rajah 2.4.2 (1a).

Tahap risiko dan kesannya terhadap (1) strategi, (2) reputasi, (3) kewangan, (4) operasi dan (5) objektif dianalisa dan tindakan susulan diambil bagi mengurangkan kesenjangan pencapaian prestasi. Berikut antara faktor-faktor yang menyumbang kepada risiko semasa pelaksanaan inisiatif.

Bagi inisiatif **FSG EDU Excellente**, diantara risiko-risiko yang dihadapi adalah melibatkan program-program fakulti yang kurang dikenali atau kurang popular di kalangan pelajar-pelajar lepasan Asasi atau matrikulasi dari universiti / kolej luar. Kekurangan dari segi ketampakan hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah juga adalah antara risiko bagi inisiatif ini.

Sementara itu, insiatif **FSG GO GLOBAL 2.0** mempunyai risiko seperti kegagalan dalam mencapai objektif perancangan strategik di peringkat antarabangsa dan kegagalan untuk mengekalkan etika dan integriti yang baik dalam pelaksanaan insiatif ini.

Begitu juga bagi insiatif, **FSG Booster 2.0**, risikonya adalah kekurangan enrolmen pelajar di peringkat lokal dan antarabangsa. Beberapa inisiatif-inisiatif yang digerakkan oleh FSG seperti **RIA-ICAN 2023**, **RIA-Publication**, **RIA-Grant 2023** dan **Entrepreneur FSG** mempunyai risiko yang sama iaitu kekurangan sambutan dari kalangan peserta dalam atau luar FSG.

Inisiatif-inisiatif seperti **Asean Youth University Summit 2023**, **FSG PRO 2.0** dan **Unleashing FSG Champion 2023** pula menghadapi risiko kekurangan peruntukkan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti. Kekurangan bakat juga merupakan risiko utama bagi inisiatif seperti **FSG Girang 2.0** dan **FSG Boleh 2023**, manakala bagi peralatan-peralatan yang usang dan rosak pula merupakan risiko yang perlu dihadapi bagi menjalankan inisiatif **FSG Pocket 2.0**.

Risiko yang dikenalpasti ini kemudiannya didaftarkan oleh Penyelaras Pengurusan Risiko menerusi sistem e-RMS (*Risk Management System*) (Rajah 2.4.2(1b)). Risiko yang didaftarkan ini kemudiannya dipantau menerusi mesyuarat pengurusan risiko yang diadakan setiap 3 bulan. Status terkini risiko akan disemak bagi mengenal pasti risiko baru sekiranya ada dan mengesahkan status tindakan mitigasi/kawalan yang diambil untuk risiko sebelumnya (Rajah 2.4.2(1c)).

Tindakan mitigasi di dalam Jadual 2.4.21a)

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB04_PC02_20241_Rajah 2.4.2 \(1a, 1b, 1c\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB04_PC02_20242_Jadual 2.4.2 \(1a\) - Bhg Pertama.pdf](#)
3. [K0019_P01_PB04_PC02_20243_Jadual 2.4.2 \(1a\) - Bhg kedua.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pencapaian setiap PI yang menyumbang kepada peratusan Skor i-UiTM FSG, dianalisa dalam talian melalui **sistem UePMO** secara berkala oleh PSTU, **setiap tiga bulan** yang dibahagikan **mengikut quartile**: Q1 (Jan - Mac), Q2 (April - Jun), Q3 (Julai - Sept) dan Q4 (Oct - Dec). Analisa strategi dan inisiatif ini kemudiannya telah disebarluaskan kepada warga FSG melalui pelbagai medium.

Dapatan dan analisis dari hasil pemantauan setiap inisiatif telah dibentangkan melalui MPE dan MKSP serta mesyuarat PSTU secara berkala. Semua strategi untuk penambahbaikan kemudiannya dikongsi bersama melalui kaedah seperti dibawah:

1. Penganjuran **persidangan berimpak tinggi** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi memantapkan dan memperkasa daya upaya warga FSG. FSG telah menganjurkan dua persidangan antarabangsa bersama – sama rakan universiti luar iaitu **SKAM35** dan juga **ICONSTAS 2023** (Rajah 2.4.3 (1a)).
2. Peluncuran dan penyelarasan program menjana dan memperkaya ilmu secara berterusan melalui pemantapan kurikulum (**Collaborative teaching**) (Rajah 2.4.3 (1b)).
3. Pemantapan dan kelestarian **penggunaan teknologi digitalisasi** didalam pengajaran dan penyelidikan dapat dioptimumkan bagi melahirkan daya upaya warga FSG yang hebat (Rajah 2.4.3 (1c)).
4. Perlaksanaan **seminar** seperti penggunaan '**high end**' instrumen dan teknikal makmal oleh pegawai-pegawai sains di peringkat UiTM (Rajah 2.4.3(1d)).
5. Penyebaran maklumat, input-input bagi tujuan penambahbaikan serta maklumbalas-maklumbalas dari semua staf makmal melalui mesyuarat makmal dan taklimat secara berkala (Rajah 2.4.3 (1e)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB04_PC03_20241_Rajah 2.4.3 \(1a, 1b, 1c\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB04_PC03_20242_Rajah 2.4.3 \(1d, 1e\).pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Ketampakan Staf FSG di Peringkat Global Melalui Inisiatif Unggul Pelan Strategik FSG

Perancangan strategik FSG yang menyasarkan kepada **warga fakulti secara holistik** bagi mencapai objektif dan inisiatif fakulti terutamanya dalam bidang tumpuan menggunakan model **#FSGPadu** membolehkan FSG mencapai **91% skor i-UiTM** bertaraf **6 bintang** di Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (**AKPU**) **2023** (Rajah 2.5(1a)).

Pelaksanaan inisiatif PS **FSG** telah melonjakkan kewibawaan **staf FSG di peringkat global** dimana hasil inisiatif **FSG Pro 2.0** seramai **15 orang staf FSG** telah dilantik sebagai **pakar rujuk, editor** serta **pembentang kertas kerja** di **peringkat antarabangsa** (2.5.(1b)). Pelaksanaan inisiatif **FSG EDU Excellente** sekali lagi berjaya **menyenaraikan FSG** dalam **QS WUR by Subject 2024** bagi **dua subjek** iaitu Kimia dan Fizik & Astronomi serta dianugerahkan “**Best Book For Food Professional in the World**” (2.5.(1c)).

Inisiatif **FSG Pro 2.0** juga diintegrasikan ke seluruh sistem di dalam dan di luar UiTM.

Pemindahan staf berkemahiran tinggi ke PTJ lain hasil **Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran dan Makmal FSG** (2.5(2a)) serta pelantikan pensyarah FSG sebagai **Pentadbir Akademik** di luar UiTM mencerminkan kejayaan strategik model **#FSGPadu** (2.5(2b)). Melalui inisiatif **FSG Girang 2.0** kejayaan pelaksanaan PS FSG diraikan bersama seluruh warga FSG dalam **Majlis Ceria Raya FSG** dan **Program 5S FSG** (2.5 (2c)).

Inovasi yang terhasil impak daripada pelaksanaan serta penambahbaikan perancangan strategik FSG melalui inisiatif **RIA ICAN** yang memperkasakan perkongsian ilmu dengan komuniti setempat telah menobatkan FSG sebagai **Johan** dalam **Anugerah Program Komuniti** di Anugerah MeTIC 2023 (Rajah 2.5 (3a)). **Keunggulan staf FSG terus terserlah** apabila dijulang sebagai “**WORLD TOP 2% SCIENTIST**” hasil inisiatif **RIA Publication, FSG PRO** dan **FSG GO-GLOBAL 2.0** (Rajah 2.5 (3b)).

Inisiatif **FSG PRO 2.0** juga telah menghasilkan kejayaan yang cemerlang dimana penyelidik FSG telah berjaya memenangi “**Diamond & BBMB Grand Award**” di IIDEX 2023 (Rajah 2.5(4a)) serta merangkul **Juara Pertama INNOVATHON** dalam **program TV Astro Malaysia** (Rajah 2.5(4b)). Inisiatif **ENT-FSG** pula telah melayakkan produk FSG diiktiraf oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Malaysia apabila menerima **Perakuan MySTI** (Rajah 2.5(4c)). Kemuncaknya, **INOVASI UTAMA** hasil daripada pengurusan PS FSG yang sistematik dan berstrategi berjaya menobatkan FSG sebagai **JUARA KESELURUHAN AKNC 2023** (Rajah 2.5(5a)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_P01_PB05_20241_Rajah 2.5 \(Rajah 1a, 1b, 1c\).pdf](#)
2. [K0019_P01_PB05_20242_Bukti 2 \(Rajah 2a, 2b, 2c\) .pdf](#)
3. [K0019_P01_PB05_20243_Bukti 3 \(Rajah 3a, 3b\) .pdf](#)
4. [K0019_P01_PB05_20244_Rajah 2.5 \(Rajah 4a, 4b, 4c\).pdf](#)
5. [K0019_P01_PB05_20245_Rajah 2.5 \(Rajah 5a\).pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

“Memperkasa Sinergi, Menggilap Kualiti, Memacu Kecemerlangan Fakulti”

Fakulti Sains Gunaan yang diasaskan pada tahun 1967 merupakan antara **fakulti yang tertua dan terbesar** di UiTM. Kajian statistik tahun 2023 menunjukkan untuk kampus Shah Alam sahaja, terdapat 295 staf, 4782 pelajar dan 25397 alumni. FSG mentadbir 25 program dan menyelia 102 makmal. Selain itu, FSG turut mengendalikan 10 kampus cawangan di seluruh Malaysia. Oleh itu, reformasi tadbir urus yang demokratik dan inovatif merupakan tunjang utama dalam mengurus keluarga besar FSG.

Teras kejayaan FSG sebagai fakulti tersohor terletak pada **kehebatan sistem pengurusan pelanggannya** dalam mengenal pasti pelanggan dalaman dan luaran. Langkah ini selari dengan usaha mencapai visi *Globally Marketable UiTM 2023*, yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025. **Pengurusan dan tatakelola Kepimpinan Kanan FSG yang efektif, penjenamaan Pasukan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan FSG, serta sistem aduan dan maklumbalas pelanggan yang bersepadu** menjadi pemangkin kualiti perkhidmatan yang cemerlang. FSG sentiasa bersikap **proaktif dan reaktif dalam penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan** agar ia memenuhi kepuasan pelanggan yang sentiasa abstrak dan dinamik.

Pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data di dalam **pangkalan data khas** seperti **SETELUS, Pelaporan Saluran Tunggal, Picktime, e-Aduan, dan Message@RIA** yang diintegrasikan di laman sesawang FSG memudahkan **pengurusan data pelanggan secara efisien dan sistematik**. Ini telah berjaya mengurangkan masa pencarian data, memaksimumkan penggunaan sumber makmal, dan meningkatkan kepuasan pelanggan melalui penyelesaian aduan dengan pantas. **Budaya perdana dalam pengurusan data pelanggan dalaman dan luaran** terus memperkukuh reputasi akademik FSG dan memperkasa hubungan industri serta komuniti.

Kepimpinan Kanan FSG sentiasa cakna dalam memantau pembangunan staf dan menyediakan pelbagai inisiatif serta ganjaran yang menyuntik motivasi kepada pelanggan dalaman FSG. Pencapaian cemerlang pelanggan FSG mendapat pengiktirafan di pelbagai **media massa dan media sosial di peringkat kebangsaan dan antarabangsa** yang meningkatkan ketampakan dan reputasi FSG. **Sinergi antara pelanggan dalaman dan luaran FSG** menghasilkan pembelajaran dan penyelidikan yang inovatif dan berimpak tinggi, dikukuhkan dengan perolehan geran dan kolaborasi industri yang secara langsung mengekalkan kebitaraan FSG.

FSG serius dalam mengenal pasti, menilai, dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan pelanggan melalui langkah proaktif dan sistematik. Melalui **Bengkel Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) dan Bengkel Perancangan Strategik FSG 2023**, tindakan mitigasi yang komprehensif telah dirumuskan untuk mengatasi risiko yang timbul. Kesemua risiko dan rancangan mitigasi ini didaftarkan dalam Sistem e-RMS dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) untuk memastikan kesiapsiagaan FSG dalam menangani risiko secara strategik dan efektif.

Tindakan penambahbaikan melalui solusi yang mampan hasil daripada kelangsungan analisa MKSP telah mencetuskan beberapa inovasi yang melakarkan kejayaan pasukan FSG dalam pertandingan di peringkat universiti serta pencapaian cemerlang FSG dalam Skor-i UiTM dengan penarafan 6 bintang.

Penglibatan pelanggan dalaman dan luaran dalam mencorakkan kecemerlangan FSG jelas terbukti daripada kejayaan memeterai memorandum persefahaman dan persetujuan (MoU dan MoA) di antara FSG dengan syarikat bertaraf antarabangsa dan industri tempatan, hasil daripada program mobiliti staf dan pelajar, kerjasama penyelidikan dan khidmat konsultansi.

Sebagai kesimpulan, tema tumpuan kepada pelanggan bertepatan dengan peranan FSG yang telah **menakhoda pelbagai inisiatif pembudayaan kualiti** dengan matlamat **membangunkan karakter pelanggan dalaman serta melagang simbiosis antara pelanggan dalaman dan luaran** demi memacu kecemerlangan FSG yang lebih lestari.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSG mengambil pendekatan yang pragmatik dengan **penggubalan Piagam Pelanggan FSG** (Rajah 3.2(1a)) yang merupakan teras dalam meneguhkan perkhidmatan cemerlang kepada pelanggannya. Pelanggan FSG dikategorikan kepada **Pelanggan Dalaman** dan **Pelanggan Luaran**. FSG mengutamakan **pendekatan holistik dan responsif** kepada kedua-dua pelanggannya (Rajah 3.2(1b)).

Pelanggan dalaman yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran adalah aset paling berharga yang mencorakkan peningkatan kualiti FSG. Staf akademik terbahagi kepada empat (4) pusat pengajian iaitu (i) Biologi, (ii) Kimia dan Persekitaran (iii) Fizik dan Bahan serta (iv) Teknologi Industri. **Pelanggan luaran FSG pula didefinisikan sebagai pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan FSG** seperti pelajar, badan profesional, alumni, masyarakat, industri dan agensi kerajaan serta rakan universiti tempatan dan antarabangsa yang telah bekerjasama dengan FSG sebagai rakan kolaborasi dalam menjayakan agenda pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan FSG. Peranan serta penglibatan setiap kategori pelanggan diperincikan dalam Rajah 3.2(1c).

Aspek nilai mengutamakan pelanggan sangat dititikberatkan oleh FSG demi memenuhi kehendak, harapan dan keperluan pelanggan. **Bahagian Prasana memainkan peranan penting dalam mentadbir ruang dan fasiliti** yang kondusif dan selesa. Setiap keperluan sentiasa ditambahbaik bagi meningkatkan standard kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan aktiviti alumni dan pelajar. **Sanggar Alumni** merupakan sebuah ruang istimewa sebagai tempat interaksi dan diskusi FSG bersama pelanggan dalaman dan luaran (Rajah 3.2(2)).

Dalam usaha memenuhi keperluan pelanggan, **peningkatan dalam kelulusan peruntukan sebanyak 118%** iaitu **RM2,400,000.00 pada tahun 2023** berbanding **RM2,028,000.00 pada 2022** telah berjaya diperolehi. Dana ini menjadi pemacu kepada peningkatan kualiti pembelajaran yang transformatif dan kemudahan fasiliti yang mampan (Rajah 3.2(3a)).

Proses mengenalpasti kumpulan sasaran pelanggan menjadi mekanisme **penjanaan inovasi baharu** untuk agenda transformasi FSG yang membawa perubahan berimpak tinggi berteraskan kecekapan dan keberkesanan khidmat pelanggan. Di bawah bahagian korporat FSG, **pasukan aduan dan maklumbalas pelanggan** (Rajah 3.2(3b)) dipertanggungjawab menyalurkan informasi serta menguruskan dan menyelesaikan aduan pelanggan secara bersemuka dan atas talian.

Inovasi sistem secara atas talian yang telah diwujudkan iaitu **SETELUS, Pelaporan Saluran Tunggal, tempahan/penggunaan makmal Picktime, e-Aduan dan Message@RIA** (Rajah 3.2(4a)) boleh dicapai oleh semua pelanggan seperti penyelidik dalam, luaran, kampus cawangan, institusi luar, serta industri. Melalui sistem tersebut, data seperti penerbitan, MoU/MoA, geran, penggunaan alat dan bahan kimia, kolaborasi, bengkel latihan, webinar serta pelanggan yang terlibat dapat direkod dan dianalisa dengan lebih tepat, cepat dan efisien. Pada tahun 2023, **inovasi ini ditingkatkan** lagi dengan memperkenalkan satu laman sesawang khas dikenali sebagai **Unit Makmal FSG** sebagai satu ekosistem makmal yang berevolusi dan berkembang sesuai dengan kehendak dan keperluan pelanggan.

FSG sentiasa proaktif dalam memastikan kelangsungan kemajuan kerjaya serta **peningkatan ilmu dan kemahiran pelanggan** dengan menyediakan peluang untuk menyertai kursus dan latihan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini termasuklah seminar dan webinar yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran terkini dalam pelbagai bidang (Rajah 3.2(4b)).

FSG percaya bahawa **tahap kepuasan pelanggan yang tinggi** memainkan peranan dalam peningkatan kerjaya pelanggan dan kecenderungan pelanggan untuk memaparkan emosi yang positif. Ini seterusnya akan memberi sumbangan dan impak kepada kejayaan FSG secara langsung dan tidak langsung. Sinergi dinamik yang dominan di antara FSG dan pelanggan

mengukunkan nubungkait simbiosis yang erat dan ekosistem yang menguntungkan kedua belah pihak

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_T01_TB02_20241_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB02_20242_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB02_20243_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB02_20244_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2\(4\).pdf](#)
- 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data pelanggan FSG **direkod secara sistematik, konsisten dan berkala** sebagai rujukan dan penambahbaikan kepada prosedur operasi tumpuan pelanggan. **Inovasi sistem tataurus data berpusat** seperti **SETELUS, Pelaporan Saluran Tunggal, Sistem Tempahan/Penggunaan makmal (Picktime), e-Aduan dan Message@RIA** telah terbukti efektif dalam pengumpulan, penyimpanan dan pengaksesan data tersebut. Pengurusan data-data pelanggan yang banyak seperti rekod penerbitan, MoU/MoA, geran penyelidikan, penggunaan alat makmal dan bahan kimia, kolaborasi, bengkel, latihan dan webinar **menjadi lebih cekap** dengan sistem yang inovatif ini. Keberkesannya terbukti apabila sehingga Disember 2023, bilangan pelawat yang menggunakan sesawang **FSG telah melebihi 1.6 juta** (Rajah 3.3(1a)).

Pembangunan sistem SETELUS dan Picktime telah berjaya melonjakkan transformasi pengurusan makmal dan inventori bahan kimia dengan meminimumkan masa pencarian kepada **kurang 5 minit** berbanding operasi manual yang memakan masa lebih satu jam. Kesemua sistem berkaitan makmal ini telah diintegrasikan di dalam **satu laman sesawang khas** dikenali sebagai **Unit Makmal FSG** (Rajah 3.3(1b)).

Platform aduan/maklum balas pelanggan telah **dijenamakan dengan melantik staf pentadbiran di setiap bahagian untuk memastikan proses pengurusan aduan lebih cekap, teratur dan berkesan**. Walaupun FSG mempunyai jumlah pelanggan yang ramai, pada tahun 2023, **88.9%** aduan dapat diselesaikan dalam masa 1 hingga 7 hari sahaja (Rajah 3.3(2)). Ini menunjukkan FSG **bergerak pantas dalam memberikan solusi yang efektif** kepada pelanggan secara konsisten.

Menyahut aspirasi UiTM untuk mencapai 6 tunggak utama *Globally Marketable UiTM*, FSG telah menganjurkan **program-program intervensi untuk setiap pelanggannya**. FSG sangat fokus dalam persediaan **Excellent Supporting Staff**, dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf melalui penyertaan pelbagai program latihan kemahiran dan kerjaya (Rajah 3.3(3a)). **Lawatan penandaarasan** turut digerakkan bagi menggalakkan perkongsian pintar dan merangsang amalan kualiti terbaik untuk FSG.

Keterlibatan pelanggan dalam **program mobiliti pelajar FSG ke luar negara dan pelajar luar negara ke FSG** dapat memperluaskan pengalaman akademik, meningkatkan kefahaman mengenai isu dan perspektif global serta **memperdalam dan memperluaskan aktiviti MoU/MoA yang telah ditandatangani oleh FSG** bersama pelanggan luaran yang secara langsung memperkukuhkan reputasi akademik FSG di peringkat antarabangsa (Rajah 3.3(3b)).

Selain itu, penglibatan kumpulan sasaran FSG di dalam **program khidmat masyarakat** diperhebatkan demi menyahut tunggak ke 5, *Highly Involved Industry & Community*. Khidmat masyarakat merupakan satu tanggungjawab FSG dalam mengaplikasikan pengetahuan, menyemai nilai sivik dikalangan warga FSG serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat tidak hanya di dalam negara malah di luar negara (Rajah 3.3(3c)). Menerusi tonggak yang sama, FSG telah memperkasakan hubungan industri melalui MoA dan MoU bersama industri dan universiti antarabangsa. Sebanyak **31 MoA/MoU** melibatkan rakan industri telah direncanakan dan berjalan sehingga kini (Rajah 3.3(3d)).

Kepimpinan Kanan FSG menggalakkan **keterlibatan staf FSG menjadi pakar rujuk di peringkat antarabangsa**. Bersesuaian dengan tunjang pertama *World Class Faculty Members*, FSG menyahut cabaran ini dengan terus memperkasakan potensi dan kepakaran staf akademiknya (Rajah 3.3(4a)).

FSG sentiasa menyokong pembangunan latihan kompetensi dalam melahirkan **staf yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi sehingga menjadi rujukan di seluruh UiTM** mahupun organisasi luar. Prof Madya Dr Hamizah Zaki merupakan satu-satunya Pegawai

Perindungan Sinaran di seluruh UTM. FSG turut mempunyai staf yang diiktiraf sebagai Penaksir Risiko Bising (*Noise Risk Assessor*), dan Pengapit Berdaftar (*Chemical Health Risk Assessment - CHRA*) (Rajah 3.3(4b)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB03_20241_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB03_20242_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB03_20243_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB03_20244_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3\(4\).pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan Kanan FSG menekankan aspek modal insan di dalam pemantauan pembangunan staf dengan **mengukuhkan ekosistem fakulti yang kondusif dan selamat** disamping memberikan **pelbagai inisiatif strategik kepada pelanggan dalaman**. Pendekatan ini diambil untuk membina hubungan dan menyemarakkan interaksi diantara pelanggan bagi meneruskan kecemerlangan dan ketampakan FSG ke peringkat yang lebih tinggi. **Ketampakan staf FSG di pelbagai platform media sosial menjadi cerminan kepada kejayaan tumpuan pelanggan FSG**. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) mahupun kenaikan pangkat **sentiasa dihebahkan secara meluas bagi mengiktiraf kejayaan dan keserjanaan pelanggan** (Rajah 3.4.1(1a)). Pada tahun 2023, Unit Korporat telah mengeluarkan **230 poster** untuk menghargai dan mengiktiraf pelanggannya. FSG juga menganjurkan **majlis dwifungsi** yang meraikan warganya di dalam program **Ceria Raya FSG** bersekali dengan **majlis penganugerahan 4 hadiah akademik** kepada staf yang cemerlang (Rajah 3.4.1(1b)).

Kepakaran pelanggan dalaman FSG sebagai pakar rujuk penyelidikan di kalangan industri dan komuniti diserlahkan dari segi ketampakan di media cetak dan televisyen (Rajah 3.4.1(2a)). Malah, pelanggan dalaman FSG juga **sentiasa terserlah di dalam persidangan diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa** (Rajah 3.4.1(2b)).

Ganjaran berbentuk penajaan bagi pertandingan inovasi telah menggalakkan staf akademik mahupun staf pentadbiran mempamerkan hasil inovasi mereka sehingga berjaya merangkul pelbagai pingat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Rajah 3.4.1(3a)). Komitmen dan inisiatif yang dipacu staf FSG secara tidak langsung turut menghasilkan **para pelajar yang dinamik dan berdaya saing** hingga memperoleh pencapaian yang amat membanggakan seperti memenangi **anugerah di peringkat kebangsaan** serta ditawarkan **biasiswa dari institusi dalam dan luar negara** (Rajah 3.4.1(3b)).

Sinergi kedua-dua kumpulan pelanggan FSG pula telah menjadi teras dalam pemantapan pembelajaran dan penyelidikan di FSG. Hubungan simbiosis ini berjaya menghasilkan perolehan geran, pengetahuan baru, penajaan ilmu, kolaborasi industri dan jaringan alumni yang kuat seterusnya menjamin kelestarian dan kesejahteraan manusiawi yang merupakan pelanggan FSG. **Pelbagai geran** (Rajah 3.4.1(4)) **telah berjaya diperolehi diperingkat antarabangsa dan kebangsaan** menjadikan FSG diiktiraf antara yang **terbaik di Anugerah Sanjung Sarjana UiTM**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_T01_TB04_TC01_20241_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB04_TC01_20242_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB04_TC01_20243_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB04_TC01_20244_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.1\(4\).pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan FSG memandang serius setiap proses dalam mengenalpasti, menilai, dan mengatur kepentingan risiko yang boleh menjejaskan pelanggan FSG. Ahli Jawatankuasa Kumpulan Pemilik Risiko FSG (Rajah 3.4.2(1)) merupakan peneraju pengurusan risiko yang berperanan dalam merancang, melaksanakan, dan memantau strategi pengurusan risiko yang komprehensif. Mereka bertanggungjawab memastikan setiap risiko yang dikenalpasti dianalisis dengan teliti dan langkah-langkah mitigasi yang sesuai dilaksanakan. Berikut adalah cara pengurusan risiko yang telah dilaksanakan:

1. Pengenalpastian dan Penilaian Risiko

Proses pengenalpastian risiko melibatkan aktiviti mengenal pasti sebarang potensi halangan, kelemahan, atau kejadian negatif yang boleh menjejaskan kepuasan dan maklumbalas pelanggan. Risiko ini dikenalpasti melalui **Bengkel Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)** (Rajah 3.4.2(2)). Bengkel ini bertujuan untuk menilai risiko-risiko baru dan mengemaskini risiko sedia ada.

2. Pengurusan dan Kawalan Risiko

Melalui model risiko yang dikenalpasti (Rajah 3.4.2(3)), FSG mengambil langkah mengurus dan mengawal risiko tersebut berdasarkan pembentukan pelan pengurusan risiko yang komprehensif dan berterusan. Pelan ini dirancang untuk memastikan bahawa langkah-langkah preventif diambil bagi mengurangkan impak risiko terhadap pelanggan.

3. Pengintegrasian dalam Perancangan Strategik

Risiko yang dikenalpasti dan strategi mitigasi yang dirancang diselaraskan dengan **perancangan strategik FSG 2023**. Bagi tujuan itu, Bengkel JPR 2023 telah digandingkan bersama Bengkel Perancangan Strategik FSG 2023 bagi memformulasikan pelan pengurusan dan kawalan risiko secara holistik dan berterusan untuk memastikan FSG terus berdaya saing (Rajah 3.4.2(4)).

4. Pendaftaran dan Pemantauan Risiko

Dr. Siti Zafirah Zainal Abidin selaku Penyelaras Pengurusan Risiko bertanggungjawab **mendaftarkan kesemua risiko dan rancangan mitigasi di laman web Sistem e-RMS** (e-Risk Management System)(Rajah 3.4.2(5)). Sistem ini membolehkan FSG memantau perkembangan dan keberkesanan pelan mitigasi yang dilaksanakan.

5. Pembentangan dalam Mesyuarat MKSP

Risiko yang telah dikenalpasti dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) FSG untuk memastikan semua pihak yang terlibat memahami implikasi risiko dan menyokong langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan.

Kesemua langkah ini telah memastikan bahawa FSG mampu mengenalpasti dan mengurus risiko secara berkesan, seterusnya meminimumkan sebarang kesan negatif terhadap pencapaian maklumbalas pelanggan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB04_TC02_20241_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB04_TC02_20242_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB04_TC02_20243_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB04_TC02_20244_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_T01_TB04_TC02_20245_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.2\(5\).pdf](#)

3.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko yang telah dikenalpasti berdasarkan maklumbalas pelanggan, bersama dengan hasil analisis maklumbalas, dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak tiga kali setahun. Strategi ini adalah salah satu **prosedur wajib FSG** untuk menangani setiap insiden risiko secara komprehensif dan sebagai rujukan kepada Kepimpinan Kanan FSG bagi memastikan tindakan yang bersesuaian dapat diambil dengan berkesan.

Selain itu, FSG melaksanakan bengkel risiko bagi melancarkan proses merekodkan setiap daftar risiko untuk memantau dan mengkaji semula risiko yang dikenal pasti secara menyeluruh bagi tujuan penambahbaikan berterusan. Melalui bengkel ini, FSG memastikan bahawa semua **pihak yang terlibat menilai impak risiko dan keberkesanan tindakan mitigasi untuk melindungi kepentingan pelanggan**. Risiko yang telah dikenalpasti dan tindakan yang telah diambil FSG ditunjukkan di Rajah 3.4.3(1).

Keberkesanan pengurusan risiko dalam perancangan pencapaian maklumbalas pelanggan telah melalui proses penambahbaikan yang berterusan seterusnya disemaikan kepada perancangan strategik FSG 2023. Amalan terbaik yang diperolehi daripada **mesyuarat MKSP disebarluaskan kepada semua warga FSG** sebagai pendekatan untuk penambahbaikan dan pembelajaran menerusi taklimat dekan yang diadakan pada setiap permulaan semester (Rajah 3.4.3(2)).

Bagi mengukuhkan bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan staf, **amalan perkongsian takwim mesyuarat** oleh pihak pengurusan FSG dilaksanakan bagi perancangan dan penyelarasan aktiviti-aktiviti pelanggan sepanjang tahun (Rajah 3.4.3(3)). Antara mesyuarat yang dilaksanakan oleh FSG adalah Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Perjumpaan Dekan bersama Staf (PDBS), Perjumpaan Dekan bersama Pelajar (PDBP), Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (MJPP), Mesyuarat Jawatankuasa Prasarana (MJP), Mesyuarat Pentadbiran dan Pengurusan Makmal (MPPM) dan Mesyuarat Unit Kualiti (MUK).

Analisa daripada tumpuan pelanggan menjadi salah satu agenda yang dibentangkan bagi meningkatkan kualiti pembangunan dan pengurusan staf. Di akhir setiap sesi mesyuarat, Kepimpinan Kanan FSG memberikan ruang untuk soal jawab dan lontaran idea dari pelanggan FSG dan seterusnya maklumbalas secara langsung dan telus terhadap sebarang permasalahan atau persoalan dapat dibincangkan bersama.

Secara keseluruhannya, **FSG komited untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan risiko dan penambahbaikan berterusan** melalui pelbagai inisiatif yang melibatkan mesyuarat berkala, bengkel risiko, dan perkongsian amalan terbaik. Melalui inisiatif-inisiatif ini, FSG berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam semua aspek pengurusan dan perkhidmatan, serta memastikan kepuasan pelanggan sebagai keutamaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB04_TC03_20241_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_T01_TB04_TC03_20242_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB04_TC03_20243_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.4.3\(3\).pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penguken budaya FSG yang berteraskan tumpuan kepada pelanggan telah menginspirasi warganya untuk menerapkan inovasi yang berterusan bagi memacu kecemerlangan bersama. Keberkesanan tumpuan pelanggan dapat diterjemahkan melalui kejayaan **FSG dalam mengungguli Anugerah 6 bintang PTJ dan Anugerah Pencapaian PI 100%**. FSG sentiasa terkehadapan dalam mengekalkan kecemerlangan dan ini dibuktikan melalui anugerah-anugerah kecemerlangan yang diterima pada tahun 2023 (Rajah 3.5(1)).

Komitmen FSG kepada tumpuan pelanggan ditunjukkan melalui program **FSG Girang 2.0** yang berjaya **meningkatkan skor dalam setiap pusingan kaji selidik Happiness Index 2023** (Rajah 3.5(2)). Peningkatan ini mencerminkan usaha berterusan FSG dalam mengutamakan kepuasan pelanggan serta menekankan kepentingan keberkesanan program dalam mencapai matlamat bidang tumpuan.

Melalui inovasi **FSG PRO 2.0**, FSG memberi galakan kepada warganya yang mempunyai bakat kepimpinan dan berketerampilan untuk **memegang pelbagai jawatan utama di UiTM, mahupun di badan profesional**. FSG sentiasa menyokong stafnya untuk memperolehi kemajuan kerjaya yang lebih luas melalui sumbangan kepada pembangunan akademik, penyelidikan, serta perkhidmatan kepada masyarakat dan alumni (Rajah 3.5(3)).

Pada tahun 2023, **Sistem Picktime** digunakan **secara meluas dan efektif** di mana secara puratanya **1098 tempahan makmal** dibuat setiap bulan (Rajah 3.5(4a)). Penggunaan sistem ini bukan sahaja memudahkan pengurusan tempahan makmal, tetapi juga meningkatkan kecekapan dalam penjadualan dan penggunaan sumber makmal, sekali gus memastikan operasi berjalan lancar dan teratur.

Sistem SETELUS pula telah memberi idea inovasi kepada staf pentadbiran dalam menghasilkan sistem **e-HELAI SDS**. Sistem ini bertujuan untuk mempercepatkan akses capaian helaian data keselamatan bahan kimia di makmal-makmal FSG. Hasil inovasi ini membantu penjimatan dalam cetakan kertas dan memudahkan carian dan rujukan. Kejayaan inovasi ini mendapat pengiktirafan di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) (Rajah 3.5(4b)).

Sokongan padu daripada Kepimpinan Kanan FSG juga, telah menjadi pemangkin utama dalam **merancakkan aktiviti pengkomersialan produk edupreuneur FSG**. Kejayaan ini jelas terbukti apabila produk hasil penyelidikan FSG, UNA Coffee dan Dr Azri's Perfume, **berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan mewakili Malaysia di 20th China-ASEAN Expo (CAEXPO) yang diadakan di Nanning, China** (Rajah 3.5(5a)). Ini adalah cerminan kejayaan besar yang dicapai melalui kepimpinan yang berwawasan dan sokongan yang berterusan.

Tindakan FSG dalam menggerakkan setiap perkhidmatannya dengan cekap dan teratur bukan sahaja mencetuskan inovasi yang berkesan tetapi juga menetapkan piawai tinggi bagi menonjolkan keunggulan UiTM. Secara tuntasnya, cetusan **inovasi dari FSG dan keberkesanannya** ditunjukkan di dalam Rajah 3.5(5b).

Kesediaan FSG menyokong dan mendokong usaha warganya dapat dilihat dari kejayaan demi kejayaan dari warganya. Dalam keseimbangan yang harmoni dan strategik, pelanggan dalam **menyumbangkan kepakaran dan penglibatan yang aktif** untuk kejayaan cemerlang dalam keseluruhan operasi di FSG. Sementara itu, pelanggan luaran bertindak sebagai **pemangkin utama, dengan memperluas ketampakan FSG** di platform kebangsaan dan antarabangsa. Sinergi yang kuat ini **mendorong produktiviti yang luar biasa, memupuk pengetahuan baharu yang merentasi sempadan, dan meningkatkan reputasi dan kegemilangan FSG dan UiTM di persada dunia**

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_T01_TB05_20241_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5\(1\).pdf](#)

2. [K0019_T01_TB05_20242_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5\(2\).pdf](#)
3. [K0019_T01_TB05_20243_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5\(3\).pdf](#)
4. [K0019_T01_TB05_20244_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5\(4\).pdf](#)
5. [K0019_T01_TB05_20245_FSG_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5\(5\).pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

“Disiplin adalah jambatan antara tujuan dan pencapaian”. DISIPLIN!!! Itulah FSG! **Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan (PAPP)** yang terarah, berstruktur dan terperinci, melayakkan FSG bagi 6 kategori di Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023 disamping 16 anugerah di Majlis Sanjung Sarjana 2023!

Perancangan (**Plan**) holistic melalui inovasi inisiatif Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) telah membangunkan **Model Pintar Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan (PAPP)**. Model ini bersinergi bagi merealisasikan **Strategic Action Planning (SAP)** UiTM iaitu ‘*Globally Marketable University 2023*’.

Model berdasarkan 3 tujahan utama, iaitu **Warga fakulti bertaraf dunia, Kebolehpasaran staf di peringkat global dan Staf sokongan yang cemerlang**. Tujahan utama, ialah **Warga fakulti bertaraf dunia**, yang mampu memperkukuhkan konsistensi kecemerlangan PPSM dalam penyelidikan yang menjadi **denyut nadi utama FSG**. **Pastinya, inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T)** juga adalah tunjang kepada kebolehpasaran staf FSG ke peringkat global. Tuntasnya, **staf sokongan** adalah **“tulang belakang”** bagi melengkapkan kecemerlangan berterusan FSG!

Peluasan perancangan (**Do**) bagi Warga Fakulti Bertaraf Dunia adalah melalui inovasi inisiatif, **RiA-ICAN 2023 dan FSG GO GLOBAL** dijadikan **Petunjuk Prestasi (PI)**. Manakala, **RiA-Publication dan RiA-Grant** adalah inovasi inisiatif berpayung di bawah **RiA ICAN**. **FSG EDU Excellente, FSG PG Booster dan FSG GO GLOBAL** adalah **PI kepada kebolehpasaran staf ke peringkat global**. Seterusnya, kecemerlangan staf sokongan, didokong melalui **FSG PRO, FSG Girang dan FSG Boleh!**

Pencapaian semua PI dilapor menggunakan sistem maya **“Single Channel Reporting” (SCR)** yang telah diinovasikan oleh Pejabar PJIA (<https://riafsg.uitm.edu.my/>). **Pelaporan SCR** adalah **“hub” cerapan data PAPP bagi keberkesanan pelaksanaan PI ke seluruh sistem UiTM**. Disamping itu, **mesyuarat berkala yang telah ditakwim**, di bawah **PJIA, HEA, HEP, MASMED dan ICAN** adalah punca pengumpulan data, dianalisa bagi pengurusan pengetahuan PPSM FSG yang berkesan.

Mekanisme **pemantauan (Check)** pelaksanaan dilakukan melalui gabungan **Model Pintar PAPP dan Model Plan, Do, Check, and Act**. Mekanisme pemantauan melalui sistem luar FSG, seperti **ICAN, RMC, SMART, NILAM, PRIME** digunakan **secara intensif bagi memperkasakan pemantauan**. Justeru, **pengesahan kualiti dan integriti data** pemantauan disemak silang melalui **Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR)**. Seterusnya, bagi memperkukuhkan pemantauan ke seluruh sistem UiTM, sistem berpusat **UiTM electronic Programme Management Office (UePMO)** diaplikasikan oleh **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU), FSG**.

Manakala, pengurusan risiko didaftar melalui **Electronic Risk Management System (e-RMS)** oleh **Penyelaras Pengurusan Risiko (PPR) FSG**, mengikut tatakelola Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM.

Tuntasnya, analisa data dari pelbagai kaedah pengukuran, tindakan pembetulan dan pencegahan serta cadangan penambahbaikan (**ACT**) dibentangkan di **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**. Seterusnya, pelaporan pencapaian hasil daripada pemantauan berkesan, dikongsi secara telus ke semua warga FSG, melalui penyebaran maklumat, arahan yang telus, terarah dan tepat melalui Taklimat Pengurusan kanan dan staf dan juga *e-buletin* FSG. Selain itu, Media Sosial seperti **e-mail, Facebook, WhattApps, Instagram**, digunakan secara intensif bagi penyebaran maklumat PPSM FSG.

Pembudayaan (**INTEGRASI**), Model Kemenjadian **Staf FSG individu Holistik yang merangkumi Tenaga Pengajar Hebat, Penyelidik yang Hebat dan Berkaliber, Pakar Rujuk Negara dan Antarabangsa, Memegang Jawatan di Pengurusan Tertinggi Universiti dan Pelatih dalam Pembangunan pelajar dalam dan antarabangsa.**

Terapan utuh yang dipasak ini, seterusnya membentuk **kumulatif staf** yang bergerak serumpun bagi dorongan PADU kecemerlangan FSG.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model Pintar Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan (PAPP) bagi PPSM berasaskan cerapan objektif **Strategic Action Planning (SAP)** UiTM bagi merealisasikan 'Globally Marketable University 2023'. Model Pintar adalah **ADUKAN** objektif Kualiti FSG 2019-2025 dan pelbagai model bagi melahirkan staf FSG yang berilmu, cemerlang dan bersinergi dengan masyarakat bagi pembangunan negara **MADANI!** (Rajah 4.2(1)).

Secara dasarnya, Model Pintar PAPP, berpaksi kepada **kumulatif staf dan individu yang terbahagi kepada kelompok staf akademik dan sokongan**. (Rajah 4.2 (2(a))). Pengukuran PAPP, **kumulatif** staf, adalah bagi pembangunan dan kecemerlangan FSG yang berdaya saing, cemerlang dan memenuhi permintaan pemegang taruh. Manakala, staf **individu** adalah bagi mewujudkan individu staf yang kekal bermotivasi dan "bersemangat" bagi pembangunan karier, mental dan kepakaran seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan FSG. (Rajah 4.2(2(b)))

Justeru, 3 tujuan utama bagi PPSM, yang membina Model Pintar PAPP, telah dikerangkakan secara sistematik berasaskan **Model Kecemerlangan Malcolm Baldrige Excellence Framework (MBEF)** (Rajah 4.2(3a)) dan **Inovasi Manual Tadbir Urus FSG** (Rajah 4.2(3b)).

3 tujuan utama ini, diketengahkan berdasarkan data dan maklumat dari pemantauan berkala dan dinamik berasaskan pengukuran, Analisa, dan pemantauan berkala bagi permasalahan, risiko pelaksanaan tatakelola semasa dan terdahulu.

1. **Warga fakulti bertaraf dunia** merujuk kepada fakulti yang terkenal dan diiktiraf secara global untuk kualiti pengajaran, penyelidikan, dan sumbangannya kepada ilmu pengetahuan. Justeru, FSG telah merangka 2 inisiatif yang iaitu, **RIA ICAN** dan **FSG GO GLOBAL** yang bertunjangkan penyelidikan dan kualiti pengajaran.

Secara dasarnya, RIA ICAN adalah inisiatif yang berteraskan **pengukuhan** penyelidikan, kepakaran, dan jaringan penyelidikan. Melalui RIA ICAN 2023, 2 inisiatif yang berteraskan penyelidikan, iaitu, **RIA PUBLICATION** dan **RIA GRANT** telah dirancang bagi pengukuhan **PENYELIDIKAN FSG. Penyelidikan adalah NADI FSG**. Pada 3 inisiatif penyelidikan ini, 5 program telah dirancang bagi merealisasikan teras penyelidikan staf.

Manakala, FSG GO GLOBAL adalah inisiatif FSG kearah memperkasakan Sains dan Teknologi (S&T). 5 PI yang dirancang, terarah kepada pelebaran kepakaran dan komunikasi staf FSG kepada komuniti dan Pendidikan antarabangsa. (Rajah 4.2 (4a))

2. **Kebolehpasaran staf di peringkat global** adalah perancangan bagi memperkenalkan FSG ke peringkat global. FSG telah mengemukakan 3 inisiatif utama yang telah dirancang iaitu, **FSG EDU Excellente, FSG PG Booster** dan **FSG GO GLOBAL**. **FSG EDU Excellente**, adalah inovasi inisiatif bagi menggalakkan inovatif **Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)** staf akademik. Manakala, **FSG PG Booster** telah dirancang diukur melalui lawatan penanda aras, kerancangan program **Webinar, conference** dan **MOU/MOA** dengan universiti dan agensi dalam dan luar negara. FSG juga telah merancang bagi merencanakan penampakan kepakaran staf akademik di persada antarabangsa diukur melalui penambahan bilangan geran penyelidikan, melalui inisiatif **FSG GO GLOBAL**. (Rajah 4.2 (4b)).

3. **Staf sokongan yang cemerlang** menjadi pemangkin kepada kecemerlangan organisasi FSG. Beberapa inisiatif dibangunkan bagi mengembangkan staf sokongan yang berkeelayakan dan berkemahiran dengan mengenal pasti potensi, kepakaran dan pengetahuan yang dapat mengukuhkan kecemerlangan FSG. 3 inisiatif bagi menjamin kejecemerlangan staf sokongan adalah ***FSG PRO 2.0, FSG Girang 2.0 dan FSG Boleh! 2023*** (Rajah 4.2 (4c)).

Melalui perancangan, penganalisan data dan pemantauan tatakelola bagi penambahbaikan secara menyeluruh, telah terbukti dengan FSG mengungguli tempat pertama i-UiTM Score 2024, penampakan pakar rujuk di media elektronik dan pakar dalam pengubalan piawaian bahan. (Rajah 4.2 (5)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_A01_AB02_20241_Bukti 4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB02_20242_Bukti 4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB02_20243_Bukti 4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_A01_AB02_20244_Bukti 4.2 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_A01_AB02_20245_Bukti 4.2 \(5\).pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pemetaan terperinci PPSM melibatkan **8 inovasi inisiatif PI** (Bukti 4.3(1)). Setiap inisiatif dikemudi oleh “**Pengurus Projek**” (PP) yang dedikasi dan terlatih. PP bertanggungjawab terhadap PAPP bagi **PERLUASAN** takbir urus PPSM yang padu diseluruh sistem FSG, UiTM malah ke persada antarabangsa.

Pengukuran “**Warga Fakulti Bertaraf Dunia**” dicerap menggunakan 2 inisiatif iaitu **RIA-ICAN dan FSG GO Global**. Melalui, **RIA-ICAN**, 3 PI dilancarkan iaitu, **RiA-Linkages, RIA-Alumni, RIA-USR**. Seiringan, **RIA-Publication dan RIA-Grant** dilaksanakan di bawah “payung” **RiA ICAN**. Pencapaian inisiatif dilapor menggunakan sistem “**Single Channel Reporting**” (SCR) yang diinovasikan oleh Pejabar PJIA (<https://riafsg.uitm.edu.my/>).

SCR adalah inisiatif SALURAN TUNGGAL bagi pelaporan **SEBARANG PENCAPAIAN PI**. **Pelaporan ini dijadikan input untuk pemakluman di Media Sosial (SOCMED) dan sebagai kaedah pengkalan data bagi Skor MyRA, Pelaporan AKNC, Data BTU, Department of Internal Affairs (DIA), VC Tracking dan SEMUA SISTEM PELAPORAN UMUM UITM.**

Inovasi SCR ini membolehkan pencapaian staf dalam 4 kategori FSG iaitu, **mobiliti pelajar, mobiliti staf, penyelidikan dan inovasi dan Global partners**, bagi penganalisaan data yang terperinci dan bersistem. (Bukti 4.3(2)).

Inisiatif **FSG Go Global** diukur melalui sorotan pencapaian FSG di laman sesawang TNCPi, penerimaan anugerah seperti **Global Prominence Awards, Anugerah Akademik Universiti, Consultancy Annual Award, Top Q1 and Q2 Author, Elsevier Top 2% Scientist dan QS Ranking**. Selain itu penyelidikan, penerbitan makalah dan perolehan geran bersama kolaborasi industri dan universiti dalam dan luar negara, dicerap pencapaiannya daripada pejabat HEA dan HEP melalui SCR. Pelaporan kepada **DIA** dilaporkan menerusi pelaporan **VC tracking template** (Bukti:4.3(3)).

“**Kebolehpasaran Staf FSG ke Peringkat Global**” diukur keberkesanannya melalui PI **FSG-EDU Excellente**. Program **Siri Klinik FSG dan Bengkel Amalan Terbaik** dijalankan dalam memantapkan pengetahuan staf dalam tadbir urus semasa di semua peringkat PTJ. Bagi memastikan pembelajaran sepanjang hayat diperluaskan, melalui sistem **MOOC** yang dibangunkan oleh aplikasi UFUTURE. Pengambilan pelajar pasca siswazah dan kolaborasi penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa telah ditingkatkan melalui **PG FSG Boost** dan direkodkan melalui SCR. **Pastinya, sebarang rekod yang dilaporkan di SCR, disebarluaskan keseluruhan UiTM dan dalam talian yang boleh di akses kepada masyarakat umum.**

Bagi melahirkan “**Staf Sokongan yang Cemerlang**”, bersemangat “**BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN**” inisiatif **FSG Girang 2.0** dilaksanakan melalui siri ceramah kepimpinan (**PNC ILD**), **iDART (Pendaftar)**, dan sesi perkongsian tatakkerja staf pentadbiran. Pencapaian inisiatif ini dinilai melalui laporan **Happiness Index** dan laman sesawang FSG. Inisiatif **FSG Boleh! 2023** adalah bagi mencungkil, menggilap dan mengasah bakat staf secara holistik melalui **projek inovasi** kumpulan OE (**e-laboratory booking system**), KIK (**SETELUS, e-Helai-MSDS**).

inovasi inisiatif FSG diguna pakai di seluruh sistem UTM. FSG PRO bagi memasukkan maklumat terkini staf yang berkelayakan dan berkemahiran dapat dianalisa menerusi pelbagai instrumen pengukuran seperti **UpTRACK, FSG Inovasi CV, MyRA, PRIME dan daftar senarai kepakaran RIA di SCR** (Bukti 4.3(4)).

Kesinambungan daripada inisiatif PPSM, semua pencapaian yang telah dianalisa dibentangkan di mesyuarat berkala mengikut kekerapan yang telah ditetapkan. (Bukti 4.3(5 (a))). Ahli Jawatankuasa (AJK) Pengurusan Data bertanggungjawab, menganalisa data daripada semua kaedah pengumpulan data. Kejayaan inisiatif terzhahir melalui penerimaan Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023 menerusi “**World Class Faculty Member- Staf Akademik**” dan pelbagai anugerah di **Majlis Sanjung Sarjana**. (Rajah 4.3 (5 (b))).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB03_20241_Bukti 4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB03_20242_Bukti 4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB03_20243_Bukti 4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_A01_AB03_20244_Bukti 4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0019_A01_AB03_20245_bUKTI 4.3 \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

2 sumber pengukuran utama bagi pemantauan adalah daripada **FSG** dan **UiTM** (Rajah 4.4.1(1(a))). FSG menggunakan pelbagai mekanisme pemantauan semudah pelaporan, maklumat semasa pemegang taruh, dapatan audit malah mesyuarat berkala mengikut takwim **FSG** yang telah disusun atur secara rapi sejak awal tahun 2023. (Rajah 4.4.1 (1(b))). Setiap mekanisme pemantauan di FSG diwakili oleh staf FSG yang dilantik bagi pengesahan kualiti dan integriti data pemantauan yang dicerap. Pemantauan merangkumi individu kumulatif dan individu staf.

Justeru, berdasarkan laporan pemantauan yang dilakukan 3 kali setahun, melalui Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR) FSG, pemantauan pelaksanaan PI PPSM di seluruh sistem FSG dilakukan melalui data dari setiap PTJ di FSG. (Rajah 4.4.1 (2(a))). PTJ utama FSG adalah bahagian **PJIA, HEA, HEP, MAKMAL dan PENDAFTAR**. Pemantauan juga telah diperluaskan melalui sistem pemantauan luar FSG, bagi menjejaki, kelemahan **dan memperkukuhkan data pemantauan PPSM FSG**. Justeru, mekanisme pemantauan seperti **ICAN, RMC, SMART, NILAM, PRIME digunakan secara intensif**. (Jadual 4.4.1 (2(b))).

Kesinambungan dari itu, pemantauan dalaman oleh FSG, disemak silang kesahihannya melalui pelaporan ke sistem berpusat **UiTM, UePMO (UiTM electronic Programme Management Office)**. **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) FSG** telah dilantik bagi tujuan pelaporan data FSG ke dalam sistem UePMO.

UePMO, adalah sistem pemantauan UiTM yang holistik yang bersimbiosis dengan FSG melalui 6 ciri pengurusan yang eksplisit melalui aktiviti, jadual, sumber, dokumen, isu dan pelaporan. **Sistem ini, terfokus bagi kecemerlangan FSG menurut hala tuju UiTM secara keseluruhan** (Rajah 4.4.1 (3 (a))). Selain daripada UePMO, semua projek SAP 2023, didaftar disesawang **UiTM Management System (UiSMS)**, dan kemajuan setiap projek dikemaskini status pelaksanaannya. (Rajah 4.4.1 (3(b)))

Seterusnya, pada setiap setengah tahun, pemantauan PPSM FSG, dibentangkan di **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**. Melalui MKSP, pemantauan berkala **Objektif Kualiti FSG, Penemuan Hasil Audit Kualiti Dalam, Aduan dan maklum balas pelanggan, Status Tindakan Pembetulan dan pencegahan serta tindakan susulan** daripada Kajian Semula Pengurusan yang lepas dibentangkan. Data pemantauan yang dicerap, FSG telah dianalisa secara terperinci oleh **Pengerusi Analisa Data FSG**, bagi pemantapan pengurusan pengetahuan PPSM.

Melalui pemantauan PADU, bilangan MoU/MOA FSG dan banyak lagi pencapaian staf telah meningkat sepenuhnya dari tahun 2022 ke tahun 2023 (Rajah 4.4.1 (3(c))).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_A01_AB04_AC01_20241_BUKTI 4.4.1 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB04_AC01_20242_BUKTI 4.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB04_AC01_20243_BUKTI 4.4.1 \(3\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pemantauan yang mantap pastinya dapat menjejaki risiko pada setiap projek kecemerlangan PPSM FSG. Relevannya, kegagalan mengenalpasti dan mengawal risiko akan memberi impak kepada kos, objektif, perancangan dalam mencapai aspirasi dan sasaran yang telah dirancang. Pengurusan risiko yang padu dapat menggalakkan budaya kerja proaktif di kalangan staf bagi menggalakkan isu yang **berimpak** dimana tindakan pencegahan dapat dikesan dan dibendung segera!

Oleh itu, melalui daftar risiko secara berpusat seluruh UiTM iaitu sistem **Electronic Risk Management System (e-RMS)**, seorang **Penyelaras Pengurusan Risiko (PPR) FSG**, telah dilantik mengikut terma dan rujukan **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) UiTM** yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR) (Rajah 4.4.2 (1(a))). e-RMS adalah instrumen pengukuran bagi menganalisa kategori risiko pada setiap perancangan yang dilaksanakan (rujuk: Manual Pengguna Sistem Pengurusan Risiko Elektronik, e-RMS) (Rajah 4.4.2(1(b))).

Pengenalpastian risiko berkaitan PPSM FSG telah dibentangkan mengikut takwim dan mengikut tataalir pengoperasian Pengurusan risiko. (Rajah 4.4.2 (2a)). Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR) yang dibuat tiga (3) kali setahun adalah platform bagi PPR melaporkan dan merancang kawalan risiko dan punca risiko seterusnya merancang tindakan pencegahan. (Bukti 4.4.2 (2b)).

Pelaporan PPR pada tahun 2023, bagi bidang tumpuan, PPSM, punca risiko FSG tertumpu kepada kategori Strategik, Operasi dan Kewangan. Contoh risiko PPSM yang didaftarkan oleh FSG adalah seperti Rajah 4.4.2 (3(a)). Analisa risiko yang dikenalpasti, adalah melalui data yang dinilai oleh PPR semasa mengisi borang penilaian risiko di <https://upr.uitm.edu.my/index.php/muat-turun/senarai-muat-turun>.

Namun, pada pelaporan PPR di MPR yang ke-3 pada November 2023, “keparahan risiko” yang dikenalpasti, telah menurun daripada sederhana kepada rendah, dan yang berisiko rendah telah berstatus, “selesai”. Ini kerana, FSG telah merancang tindakan pencegahan yang mantap bagi mengelakkan punca risiko bertambah parah. Pastinya, FSG telah membuat tindakan pencegahan bagi mengatasi risiko melalui SAP FSG 2024. (Rajah 4.4.2 (3(b)))

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB04_AC02_20241_BUKTI 4.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB04_AC02_20242_BUKTI 4.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB04_AC02_20243_BUKTI 4.4.2 \(3\).pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil senergi analisis pemantauan dan pengurusan risiko yang jitu, melonjakan kajian semula yang padu, bagi tindakan penambahbaikan yang tepat.

Melalui mesyuarat dan laporan yang dipengerusikan oleh Dekan FSG dan dihadiri oleh **ahli Mesyuarat Eksekutif Fakulti**, pelaporan oleh Ketua Unit Kualiti, PSTU dan PPR, pencapaian Objektif Kualiti FSG, Status Tindakan Pembetulan dan Pencegahan dan Cadangan Penambahbaikan telah dibentangkan dan dibincangkan di **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) FSG**. MKSP adalah pelaporan pengukuran, dan inisiatif pengurusan pengetahuan yang holistik merangkumi pelaporan daripada Ketua Unit Audit, Ketua Unit Kualiti (KUK) yang di bantu oleh Jawatankuasa Inisiatif Kualiti. Jawatankuasa Inisiatif Kualiti terdiri daripada Penyelaras Strategi dan Transformasi Universiti (PSTU), Kepuasan dan Maklumbalas Pelanggan, Pengurus Analisa Data, Wakil Projek Kualiti (AKNC, OE, SRR, ISO), wakil Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan wakil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Pengurusan Pengetahuan di MKSP adalah Timbalan Pendaftar sebagai **Pengawal Dokumentasi FSG**.

Di mesyuarat ini, ketidak patuhan audit terdahulu dipantau dan dilaporkan, serta **tindakan penambahbaik** terhadap pelaksanaan perancangan. Disamping itu, laporan aduan dan maklumbalas pelanggan bagi pemugaran atau pemakluman frasa semula dilakukan bagi memantapkan kepincangan dalam pelaksanaan PI FSG. (Rajah 4.4.3 (1)).

Laporan Analisa PI, oleh Pengerusi Analisa Data FSG, adalah antara pelaporan terpenting. Pelaporan ini, menganalisa sasaran PI FSG bagi tahun 2023, dan analisa sasaran PI ini, dihubungkan, dengan Objektif Kualiti PPSM 2019-2025 (Rajah 4.4.3 (2)).

Komunikasi berkesan melalui penyebaran maklumat dan arahan yang terarah dan tepat melalui media sosial seperti *e-mail*, *Facebook*, *WhatsApp* mahupun Instagram, menyebabkan segala penambahbaikan yang telah disusun oleh pengurusan tertinggi bagi PPSM dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Pengurusan kanan FSG sentiasa menyebarkan luaskan analisa pencapaian, pengurusan pengetahuan staf melalui Taklimat Dekan dan Pengurusan Kanan yang diadakan pada sebelum permulaan setiap semester. (Rajah 4.4.3(3 (a))).

Penambahbaik, hubungan dan motivasi antara staf, data "**Happiness Index**" adalah petunjuk jelas bagi "*work life balance*", kepuasan kerja dan kesejahteraan staf FSG. **Staf sokongan, staf akademik dan pengurusan adalah "susuk tubuh" yang bersimbiosis bagi pembangunan dan kecemerlangan FSG**. Justeru, melalui aktiviti gotong royong dan sambutan Hari Raya telah diadakan bagi merapatkan jurang dan merapatkan pemuafakatan antara staf FSG (Rajah 4.4.3 (3(b))).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB04_AC03_20241_BUKTI 4.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB04_AC03_20242_BUKTI 4.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB04_AC03_20243_BUKTI 4.4.3 \(3\).pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan, “**Bekerja sebagai satu pasukan**”, melalui Model Kemenjadian Staf FSG merangkumi 5 pembangunan staf **INDIVIDU** yang seterusnya membentuk **kumulatif staf** yang bergerak serumpun bagi kecemerlangan FSG.

5 kemenjadian adalah, **Tenaga Pengajar Hebat, Penyelidik yang Hebat dan Berkaliber, Pakar Rujuk Negara dan Antarabangsa, Memegang Jawatan di Pengurusan Tertinggi Universiti dan Pelatih dalam Pembangunan pelajar dalam dan antarabangsa.**

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan PPSM telah terzahir dengan kecemerlangan FSG merangkul pelbagai anugerah dari dalam dan luar negara,

a) **Warga Fakulti Bertaraf dunia**, melalui penambahbaikan yang efisien dan efektif yang telah FSG laksanakan sepanjang 2023, telah menunjukkan hasil positif melalui anugerah dan data pada tahun 2024: (Rajah 4.5 (1))

i) Pada tahun 2022, **QS Subjek ranking**, menunjukkan, **subjek Kimia** tidak tersenarai sebagai QS subjek UiTM. Namun, atas perancangan dan pemantauan dan pengurusan risiko, Bersama inisiatif penambahbaik yang efisien dan efektif sepanjang 2023, **pada tahun 2024, subjek Kimia telah tersenarai semula sebagai QS subjek pada julat 551-600.**

i) Hasil tindakan penambahbaikan yang telah dirancang pada tahun 2023, pada tahun 2024, prestasi FSG melalui program berimpak tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah terbukti dengan kegemilangan FSG **di Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023 dengan anugerah:**

i. **Naib Johan bagi anugerah World Class Faculty Members (Staf Akademik)**

ii. **Penarafan Subjek Terbaik**

iii. **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik**

iv. **6 tertinggi di UiTM bagi Sijil Pencapaian Kecemerlangan**

Prestasi

b) **Kebolehpasaran staf ke peringkat global.** Membudayakan budaya kerja yang dedikasi, berilmu, efisien, dan disiplin adalah antara norma kerja staf FSG. Pembudayaan norma ini, adalah norma budaya pekerja bertaraf dunia! Pembudayaan, pengurusan pengetahuan staf FSG telah dizahirkan melalui pencapaian seperti berikut:

i) **Penajaan Affidavit Kewangan bagi Post-Doctoral ke luar Negara (2021-2023).** (Rajah 4.5(2 (a)))

ii) **Penawaran “Leaders in Innovation Leadership Fellowship 2024” oleh Royal Academic of Engineering UK** (Rajah 4.5(2 (a)))

iii) **Staf FSG yang memegang jawatan tertinggi di luar FSG.** (Rajah 4.5(2 (a)))

iv) FSG telah menerima 16 anugerah di **Majlis Sanjung Sarjana UiTM Julai 2023** bagi kecemerlangan staf : (Rajah 4.5 (2 (b)))

a. **Pelbagai Anugerah Penyelidik**

b. **Anugerah World Top 2% Scientist**

c. **Anugerah Penyelidik Harapan**

v) **Staf yang berkompentensi global FSG, disokong melalui penambahan staf yang mempunyai lesen professional kompetensi industri (Pegawai Pengapit Bahan Kimia**

berbahaya (ChM), Pegawai Bising, Pegawai Pemindungan Sinaran) dan juga staf yang mempunyai sijil Professional Ahli Kimia, ChM. (Rajah 4.5 (2(c)))

vi) Pertambahan MoU/MoA antara FSG dan Universiti luar negara saban hari. (rujuk: 4.4.1(3 (c))

c) Staf sokongan bagi FSG, terbahagi kepada 2 kelompok, iaitu staf pentadbiran dan makmal. Kedua-dua staf ini adalah sinergi bagi staf akademik dan Pengurusan tertinggi FSG, bagi mengemudi FSG kekal di tahap tertinggi. Oleh itu, **pencapaian staf sokongan cemerlang**, FSG telah menjalankan program pembudayaan kerja bagi meningkatkan kompetensi, komunikasi dan *hands-on* bagi staf makmal dan pentadbir secara intensif. (Rajah 4.5 (3(a)) dan Rajah 4.5 (3(b)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_A01_AB05_20241_BUKTI 4.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_A01_AB05_20242_BUKTI 4.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_A01_AB05_20243_BUKTI 4.5 \(3\).pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemeriksaan sumber manusia yang berkualiti dan berkompentensi tinggi secara holistik menjadi strategi utama FSG dalam memacu kecemerlangan. Kepimpinan Kanan FSG telah merangka pelan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia yang komprehensif, bertujuan untuk meningkatkan prestasi, dan kualiti sumber manusia secara menyeluruh. Pelan ini didasarkan pada model pembangunan yang terdiri daripada empat komponen utama: "**Gain**," "**Train**," "**Retain**," dan "**Risk**." Setiap komponen ini diselaraskan dengan prinsip **PDCA (Plan, Do, Check, Act)** yang digunakan oleh UiTM.

Komponen pertama, "Gain" memberi penekanan pada perancangan strategik dalam proses pengambilan staf yang berkeelayakan tinggi. Pihak Kepimpinan Kanan FSG telah berjaya meningkatkan kadar staf akademik yang **berkelulusan PhD kepada 97%**. Perancangan yang teliti dalam pemilihan dan pelantikan staf ini adalah sejajar dengan fasa "**Plan**" dalam model PDCA, di mana FSG merancang dengan baik untuk memastikan pengambilan staf yang berdaya saing dan kompeten.

Komponen kedua, "Train", adalah fokus kepada pembangunan kompetensi staf melalui pelaksanaan program latihan yang komprehensif dan berasaskan keperluan staf. **Penglibatan staf dalam Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG) dan Centre of Excellence (CoE)** juga telah melahirkan budaya kerja penyelidikan berpasukan. Inovasi seperti "**Succession Plan**", **Webinar** dan **Unit Makmal** dapat memupuk budaya inovasi, kepimpinan dan perkongsian pengetahuan yang merentas sempadan. Selari dengan fasa "**Do**" dalam model PDCA, FSG melaksanakan program ini untuk memastikan semua staf mendapat peluang yang sama dalam pembangunan diri dan profesionalisme.

Komponen ketiga, "Retain", memastikan bakat dan potensi staf dikekalkan melalui **pemantauan dan penilaian prestasi** yang berterusan. Penilaian adil membantu staf memperbaiki prestasi mereka, mengenal pasti keperluan latihan kompetensi, dan memberikan maklum balas yang konstruktif. **Program Pelan Penggantian** yang inovatif, serta penambahbaikan dalam struktur pentadbiran, adalah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kesinambungan kepimpinan FSG. Fasa "**Check**" dalam model PDCA digunakan untuk memastikan proses penilaian ini berjalan dengan lancar dan efektif.

Komponen keempat, "Risk", menekankan kepada **pengurusan dan mitigasi risiko**. Jawatankuasa Pengurusan Risiko FSG memainkan peranan dalam mengenal pasti, menganalisis, dan mengurus risiko melalui mesyuarat berkala setiap 6 bulan dan bengkel pengurusan risiko. Mekanisme penambahbaikan yang disusun berdasarkan analisis risiko ini bertujuan untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif bagi semua staf. Fasa "**Act**" dalam model PDCA direalisasikan dengan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan yang strategik.

Keseluruhan pendekatan holistik ini bukan sahaja mewujudkan persekitaran kerja yang produktif, tetapi juga **meningkatkan kepuasan hati staf** terhadap pengurusan fakulti. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa **72% staf** sangat **berpuas hati dengan persekitaran dan sistem kerja** yang disediakan oleh FSG. Ini membuktikan bahawa strategi pemeraksanaan sumber manusia yang diterapkan oleh FSG telah berjaya, bukan sahaja dalam meningkatkan prestasi staf, tetapi juga dalam mencapai matlamat strategik fakulti dan **UiTM2025**.

Secara keseluruhan, **pelan Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia yang berteraskan pemeraksanaan holistik** ini telah menjadikan FSG sebuah universiti yang unggul dengan memperkukuhkan kedudukannya bukan sahaja di peringkat UiTM, malah di arena global. Tambahan pula dengan **semangat #FSGPadu**, setiap staf di FSG bersatu untuk mendorong inovasi, meningkatkan prestasi, dan mencipta legasi kejayaan yang berterusan. Kejayaan yang dicapai oleh FSG adalah bukti nyata bahawa pemeraksanaan sumber manusia

yang berkeadilan dan berkompromi tinggi adalah kunci kepada kemenangan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model Pengurusan Sumber Manusia FSG telah diterapkan dalam struktur pentadbiran FSG yang dipimpin oleh barisan Kepimpinan Kanan Fakulti dalam pembangunan dan pengurusan sumber manusia berpandukan kepada empat teras utama model PDCA UiTM: “**Gain**”, “**Train**”, “**Retain**”, dan “**Risk**” (Rajah 5.2 (1a)). Model ini disepadukan dengan model **ESI** dan **i-DART** yang memfokuskan pada **kecemerlangan**, **sinergi**, dan **integriti** warga UiTM (Rajah 5.2 (1b)). Sehingga 2023, FSG mempunyai seramai **295 staf** yang terdiri daripada staf **akademik** dan **pentadbiran** dengan pelbagai gred jawatan (Rajah 5.2 (1c)).

Kepimpinan Kanan FSG telah menggariskan pendekatan pengurusan sumber manusia melalui kaedah berikut:

Kaedah 1 (Gain): Perancangan dan pelantikan staf baharu

- Bagi merealisasikan visi UiTM sebagai Universiti yang diiktiraf di peringkat global, **proses pengambilan staf akademik** dirangka bagi memastikan calon yang berkualiti dan berkelayakan terpilih. **Analisa keperluan sumber manusia** bagi tahun 2023 dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) untuk memutuskan keperluan pensyarah mengikut keperluan bidang (Rajah 5.2 (1d)). **Pelantikan staf akademik** dilakukan berdasarkan **waran yang diperuntukkan** daripada Pejabat Pendaftar. Pada tahun 2023, satu waran perjawatan baharu telah diluluskan untuk bidang Biologi dan Teknologi Persekitaran (Rajah 5.2 (1e)).
- FSG bertanggungjawab **mengenal pasti calon** yang sesuai berdasarkan **bidang keperluan, kelayakan PhD, kelayakan profesional** dan **kebolehan mengajar**. Untuk mengisi kekosongan jawatan yang diperuntukkan, bidang Biologi dan Teknologi Persekitaran telah menerima permohonan bagi mengisi kekosongan jawatan yang semuanya memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan (Rajah 5.2 (1f)).
- FSG turut melaksanakan pengambilan pensyarah bukan warganegara melalui kaedah **head hunting** bagi mencapai sasaran **PI 2025** (Rajah 5.1(1g)). Hasilnya, bilangan pensyarah bukan warganegara pada tahun 2023 ialah seramai tiga orang dengan seorang telah ditawarkan untuk kemasukan tahun berikutnya.
- Bagi memastikan staf akademik yang sedang mengikuti pengajian PhD dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang, **bimbingan dan pengawasan khusus** telah diterapkan. **Pemantauan kemajuan** dilakukan oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) untuk memastikan penyelesaian pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Status pengajian dibentangkan dalam mesyuarat MPE (Rajah 5.2 (2a)).
- **Program INOVASI Pembangunan Kompetensi Staf FSG** dirancang untuk memperkasakan kemahiran, pengetahuan dan etika kerja yang diperlukan oleh setiap staf. FSG berjaya melahirkan warga yang kompeten, profesional, berintegriti dan berprestasi tinggi melalui **kaedah pelaksanaan latihan di FSG**. (Rajah 5.2(2b)). Semua staf yang menyertai latihan anjuran PTJ atau organisasi luar UiTM **adalah** dibiayai oleh bajet pengurusan FSG dan perlu mematuhi **kaedah penganjuran latihan** yang ditetapkan (Rajah 5.2(2c)).

Sebagai langkah dan usaha **menghargai dan mengiktiraf bakat serta kepakaran warga**, FSG **menggalakkan staf untuk menyertai kursus atau latihan** yang dianjurkan oleh organisasi atau PTJ luar bagi meningkatkan ketampakan akademik di peringkat **global** dengan **memohon peruntukan** yang disediakan sebanyak minimum **RM1500.00** seorang setiap tahun untuk tujuan ini (Rajah 5.2(2d)) dan Rajah 5.2(2e)). FSG telah **menawarkan sokongan penuh** kepada staf akademik dan pentadbiran dalam meningkatkan kepakaran melalui **pembelajaran berterusan** termasuk cuti belajar bergaji penuh, kursus sabatikal dan kursus pensijilan badan profesional (Jadual 5.2(3a)).

Penampilan staf di **media massa** sebagai manifestasi bakat dan kepakaran menunjukkan

kebolehan mereka menerjemahkan potensi akademik menjadi **pencapaian yang dapat diakses umum** (Jadual 5.2(4a)). Kepakaran staf FSG jelas melalui **pelantikan mereka ke jawatan penting** di universiti, menunjukkan **pengiktirafan tinggi** terhadap kebolehan dan sumbangan mereka (Jadual 5.2(5a)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_S01_SB02_20241_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB02_20242_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB02_20243_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB02_20244_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.2 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB02_20245_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.2 \(5\).pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Selaras dengan aspirasi dan matlamat fakulti dalam memperkasakan sumber manusia di FSG, pihak Kepimpinan Kanan FSG memberi penekanan yang tinggi terhadap **peningkatan prestasi, kecemerlangan bakat dan kepakaran staf**. Strategi diatur bagi memastikan staf terus berkembang dan berdaya saing di peringkat global melalui:

- (i) **Inovasi Model Pelan Penggantian** – Model ini diterapkan untuk memastikan penggantian staf FSG dilakukan cara yang memaksimumkan potensi staf yang berbakat dan memiliki kepimpinan tinggi dalam membuat keputusan serta mengambil tindakan. (Rajah 5.3 (1a)), (Rajah 5.3 (1b)).
- (ii) **Penyediaan direktori kepakaran staf akademik FSG** – Wujudnya direktori sebagai medium untuk meningkatkan kecekapan operasi fakulti dan menyokong peluang kolaborasi staf bagi perkembangan professional (Rajah 5.3(1c)).
- (iii) **Taklimat persediaan untuk kenaikan pangkat** – Bertujuan memastikan staf akademik FSG mendapat panduan dan sokongan padu dari fakulti (Rajah 5.3 (1d)). Hasilnya sebanyak 13 permohonan dibuat manakala seramai **8 orang staf akademik dan 4 orang staf pentadbiran di naikkan pangkat** (Rajah 5.3 (1e)).
- (iv) **Penyediaan pelan pusingan kerja/penempatan semula staf pentadbiran** berdasarkan audit sendiri secara berkala (Rajah 5.3 (2a)).
 - Pelaksanaan audit sendiri secara berkala kepada staf pentadbiran bertujuan mengenal pasti kelemahan dalam prosedur kerja, menilai keberkesanan tugas yang dijalankan, memperbaiki kecekapan serta prestasi staf
- (v) **Penilaian prestasi yang jelas dan saksama** membantu staf memperbaiki kelemahan dalam kerja, mengenal pasti keperluan latihan, menyediakan maklum balas terhadap prestasi dan hasil kerja, mengapresiasi pencapaian staf, serta menetapkan jangkaan prestasi yang lebih baik (Rajah 5.3 (2b)).

Ketampakan kecemerlangan staf FSG yang digabungkan dengan pengurusan yang efisien telah mencipta **pertumbuhan professional dan inovasi**. Impaknya, staf FSG telah diiktiraf sebagai **pakar rujuk, 'visiting lecturer' dan penceramah di peringkat antarabangsa** (Rajah 5.3 (3a)), (Rajah 5.3 (3b)). Selain itu, staf FSG sebanyak 47.3% terlibat secara aktif dalam kepimpinan dengan **pelantikan sebagai pentadbir** di UiTM termasuklah di dalam kumpulan penyelidikan (Rajah 5.3 (3c)), (Rajah 5.3 (3d)), (Rajah 5.3 (3e)). Kepakaran staf akademik juga terbukti melalui **keanggotaan dalam badan professional** yang telah **melebihi sasaran FSG** (Rajah 5.3 (4a)).

Bagi mencapai kecemerlangan bakat yang seimbang dan holistik, pengurusan FSG menggalakkan staf menjalani **latihan kompetensi** penggunaan peralatan beresolusi tinggi dan **latihan peningkatan kerjaya** anjuran fakulti mahupun pihak luar (Rajah 5.3 (4b)), (Rajah 5.3(4c)). Penglibatan dalam latihan sebegini terbukti mampu meningkatkan kecekapan staf secara signifikan dan telah melahirkan staf yang pakar dalam bidang masing-masing (Rajah 5.3 (4d)).

Sinergi antara Kepimpinan Kanan FSG yang efisien dan penyediaan sokongan dalam inovasi telah membawa kepada **pembangunan kemahiran keusahawanan** dalam kalangan staf FSG (Rajah 5.3 (5a)). Ini bukan sahaja membolehkan mengubah hasil **penyelidikan menjadi produk komersial yang kompetitif** seperti '*Dr Azri's Perfume*', '*Una Coffee*' dan '*RM Poly Pack*' (Rajah 5.3 (5b)) tetapi juga meningkatkan ketampakan staf melalui pengiktirafan kemenangan contohnya '*NACOTS*' di dalam pertandingan yang unggul iaitu '*Innovathon*', Rajah 5.3 (5c)).

malahan staf FSG telah menyebarkan kepakaran mereka dengan **penglibatan di media massa** (Rajah 5.3 (5d)). Secara keseluruhannya, FSG mampu terus mencapai kecemerlangan dan membina reputasi yang kukuh di peringkat antarabangsa. Justeru, staf FSG berjaya memberi **sumbangan yang signifikan kepada komuniti akademik dan industri di peringkat global**. Hebahan-hebahan terkini boleh diakses dengan mudah melalui platform media sosial fakulti (Rajah 5.3(5e)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB03_20241_FSG_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB03_20242_FSG_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB03_20243_FSG_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB03_20244_FSG_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB03_20245_FSG_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3 \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Tahap Keuasan Hati Staf Terhadap Persekitaran dan Sistem Kerja di FSG

FSG komited dalam memperkasakan **sumber manusia holistik** dan **berkompetensi tinggi** sebagai **teras keunggulan** organisasi. Melalui penyediaan persekitaran kerja yang **kondusif** serta sistem **efisien**, FSG memastikan staf dapat beroperasi dengan **produktiviti optimum**. Pembangunan staf **dirancang teliti** dengan **teknologi moden** dan **platform** yang sesuai (**bersemuka, atas talian, hibrid**).

Platform **E-Complaint UiTM** digunakan bagi mengukur **keuasan hati** sumber manusia FSG. Berdasarkan data **UiTM Happiness Indeks 5.0 (UHI5.0)**, purata tahap **kegembiraan staf FSG** adalah pada tahap memuaskan iaitu **72%** daripada **243 responden** (Rajah 5.4.1 (1a)). Di samping itu, **penglibatan staf** dalam program **holistik** merangkumi **kesejahteraan emosi** (Rajah 5.4.1 (1b) & (1c)), **sukan rekreasi** (Rajah 5.4.1 (2a)) dan **khidmat masyarakat** (Rajah 5.4.1 (2b) & (2c)) meningkatkan **kegembiraan** dan **keseimbangan hidup** staf.

Proses Aduan Maklumbalas Pelanggan Terhadap Pengurusan FSG

Penggunaan sistem berpusat e-Aduan UiTM iaitu **E-Complaint** yang menghimpunkan tiga pautan aduan iaitu **aduan am, fasiliti** dan **infostruktur** telah dihebahkan kepada **warga FSG** melalui **e-mel** berserta **tatacara pengisian aduan** (Rajah 5.4.1 (3a) - (3c)). **Capaian E-Complaint** ini selain memudahkan **warga FSG** untuk membuat **aduan**, **Kepimpinan Kanan FSG** juga dapat mengenal pasti aduan dengan lebih **sistematik** justeru, tindakan **penambahbaikan** dapat dilaksanakan dengan lebih **pantas** dan **tuntas**.

Pemantauan Staf Akademik

Kepimpinan Kanan FSG memantau hasil **penerbitan staf akademik** dengan membimbing **pensyarah** yang tiada **penerbitan** melalui strategi seperti **Monitor, Enforce, Execute (MEE)** serta **bengkel penulisan artikel** dan **corresponding author** bagi membantu setiap **warga** mencapai **KPI** sejak dari tahun 2021 (Rajah 5.4.1 (4a)). **MEE3.0** telah mengambil langkah agar setiap **pensyarah** di bawah senarai **MEE** ditindikkan bersama **penyelidik berpengalaman** mengikut **bidang penyelidikan** dan **pusat pengajian** masing-masing (Rajah 5.4.1 (4b)).

Pemantauan Staf Pentadbiran

Audit sendiri berkala bertujuan mengenal pasti kelemahan **prosedur kerja**, menilai keberkesanan tugas, dan memperbaiki **kecekapan** serta **prestasi**. Melalui **pusingan kerja** dan **penempatan semula staf** mengikut kesesuaian, **kemahiran** dan **kecekapan** dapat dipertingkatkan (Rajah 5.4.1 (4c)). Proses **penilaian prestasi Sasaran Kerja Tahunan (SKT)** dan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** membolehkan staf memahami **kekuatan** dan **kelemahan** mereka, mengenal pasti **keperluan latihan**, serta menerima **maklum balas** yang konstruktif. **Penghargaan** terhadap **pencapaian** menyemarakkan lagi **semangat staf** untuk terus **cemerlang dalam tugas**. (Rajah 5.4.1 (4d))

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_S01_SB04_SC01_20241_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1 \(1\).pdf](#)

2. [K0019_S01_SB04_SC01_20242_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB04_SC01_20243_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB04_SC01_20244_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1 \(4\).pdf](#)
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Staf akademik dan pentadbiran adalah **tunjang utama** yang menggerakkan **FSG**. **Pengurusan yang bijaksana dan efektif** sangat penting dalam memastikan fakulti ini terus **cemerlang**, sekaligus mengangkat **UiTM ke persada dunia**. FSG telah mengambil **langkah proaktif** dalam **mengawal dan mencegah risiko** yang berkaitan dengan **pengurusan sumber manusia**. **Unit Pengurusan Risiko FSG**, dipimpin oleh **Pemilik Risiko** (Rajah 5.4.2 (1a)), memainkan peranan penting dalam **mengenal pasti, memantau**, dan melaksanakan **mitigasi risiko** dalaman dan luaran. Usaha ini bertujuan mewujudkan **suasana kerja yang kondusif, selamat dan menggembirakan**. Unit ini menggunakan pendekatan "**Risk**" dan "**Act**" untuk menyelaraskan perancangan **pengurusan risiko**. **Mesyuarat Pengurusan Risiko** diadakan setiap empat bulan untuk menilai keberkesanan **langkah-langkah kawalan** yang sedia ada serta merancang **tindakan pencegahan**. (Rajah 5.4.2(1b) & (1c))

Fakulti Sains Gunaan (FSG) menghadapi beberapa risiko utama dalam pengurusan sumber manusia, seperti **Laporan Daftar Risiko FSG 2023** (Rajah 5.4.2(2a)):

1. **Kekurangan Latihan dan Pembangunan Staf:** Tanpa latihan berterusan, staf mungkin kekurangan kemahiran terkini, menjejaskan kualiti kerja dan kecekapan operasi fakulti.
2. **Penurunan Motivasi dan Moral:** Kurangnya pengiktirafan dan ganjaran boleh menurunkan motivasi staf, meningkatkan kadar keluar-masuk kakitangan dan menjejaskan prestasi kerja.
3. **Kekurangan Sumber Manusia untuk Tugas Kritikal:** Ketidalcukupan staf berkemahiran tinggi boleh mengganggu aktiviti penting seperti penyelidikan dan pengajaran.

Impak Risiko kepada FSG

1. **Gangguan Operasi:** Kekurangan kemahiran staf boleh mengganggu operasi harian dan menjejaskan peralatan kritikal, seperti NMR.
2. **Penurunan Kualiti Akademik:** Pengajaran dan penyelidikan berkualiti mungkin terjejas, menjejaskan reputasi fakulti.
3. **Reputasi Fakulti:** Risiko-risiko ini, jika tidak ditangani, boleh menjejaskan imej FSG dan menghalang daya tarikannya kepada calon pelajar dan staf yang berkualiti.

Langkah Mitigasi

1. **Latihan Berkala:** Pelaksanaan program latihan dan pembangunan berterusan untuk meningkatkan kemahiran staf.
2. **Sistem Pengiktirafan:** Memperkenalkan sistem ganjaran yang adil untuk meningkatkan motivasi staf seperti Anugerah Perkhidmata Cemerlang (APC) untuk meningkatkan motivasi dan moral staf.
3. **Peningkatan Infrastruktur:** Memodenkan peralatan dan menyediakan sokongan teknikal yang mencukupi.
4. **Pengambilan Staf Baharu:** Mengisi kekosongan jawatan dengan calon berkualiti tinggi serta menyediakan latihan kepimpinan mengikut keperluan (Rajah 5.4.2 (2b)).
5. **Projek Kesejahteraan:** Inisiatif seperti "**FSG Girang 2.0**" untuk meningkatkan kesejahteraan staf dan mewujudkan persekitaran kerja yang positif.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB04_SC02_20241_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB04_SC02_20242_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.2 \(2\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan Yang Diambil Untuk Memastikan Persekitaran Kerja Yang Kondusif

FSG sangat mengambil **serius** terhadap semua **aduan pelanggan** dalam memastikan **kualiti persekitaran** dan **sistem kerja** berada pada **tahap terbaik**. Oleh yang demikian, **tindakan penambahbaikan** FSG dilaksanakan melalui **instrumen pengukuran** yang dilaporkan dalam **mesyuarat berkala** FSG bagi tujuan **kaji semula** (Rajah 5.4.3(1a)). **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** menyajikan **analisis terperinci** termasuk **laporan pengurusan aduan**, yang kemudiannya dikongsi dengan seluruh **warga FSG** (Rajah 5.4.3(1b)). Proses ini amat penting untuk memastikan **kualiti kerja sumber manusia** sentiasa berada pada **tahap optimum**, seterusnya menjamin **pencapaian hasil kerja yang cemerlang**.

Beberapa **inisiatif** telah diambil oleh **pihak pengurusan** untuk mewujudkan **persekitaran kerja** yang **cemerlang** bagi melonjak **produktiviti** seperti berikut:

1. **Penambahbaikan fasiliti** dengan pembelian perabot baharu dan kerja-kerja '*in progress*' menggantikan lif-lif lama yang sering rosak dengan yang baharu (Rajah 5.4.3 (2a))
2. **Pembelian peralatan baharu** termasuk peralatan berteknologi tinggi, Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM) untuk menggantikan peralatan yang lama dan rosak. Latihan juga telah diberikan kepada staf makmal FSG yang ditugaskan untuk mengendalikan peralatan ini. (Rajah 5.4.3 (2b)).
3. Kemudahan menempah penggunaan peralatan makmal dengan **sistem digital tempahan dan pengurusan makmal** bagi memudahkan dan melancarkan proses tempahan dengan penjimatan masa yang ketara berbanding tempahan secara konvensional.(Rajah 5.4.3 (2c)).
4. **Penambahan ruang penyelidikan** "Renewable Energy Lab" hasil kolaborasi bersama PETRONAS Research Sdn. Bhd. bagi menjalankan aktiviti penyelidikan berkaitan tenaga boleh baharu (*renewable energy*) yang merupakan bidang kajian tujmpuan global pada masa ini. (Rajah 5.4.3 (2d))
5. **Penambahbaikan proses kerja** melalui soal selidik yang dikeluarkan kepada warga kumpulan Kecemerlangan Operasi (OE) dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
6. **Pendokumentasian proses kerja** untuk dijadikan sebagai prosedur kerja operasi fakulti di bawah Jawatankuasa ISO

Komitmen FSG dalam memastikan **persekitaran kerja yang kondusif** dan **sistem kerja yang efisien** terserlah **berdasarkan** tindakan **penambahbaikan** yang telah dilaksanakan. Melalui **kajian semula secara berkala** dan **pendekatan yang berasaskan data** serta **maklum balas**, FSG berjaya mewujudkan **suasana kerja** yang tidak hanya **responsif** terhadap **keperluan semasa** tetapi juga **proaktif** dalam **menghadapi cabaran masa hadapan**. **Keberhasilan inisiatif ini**, yang disokong oleh **dokumentasi prosedur kerja yang sistematik**, akan terus menjadi **asas** kepada **pencapaian hasil kerja yang cemerlang** di FSG.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_S01_SB04_SC03_20241_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB04_SC03_20242_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.3 \(2\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan sumber manusia adalah elemen penting dalam memacu kejayaan staf FSG supaya terus berdaya saing sekaligus meningkatkan kualiti kerja dan kepakaran staf. Pelbagai inovasi dan pembudayaan yang dihasilkan oleh Kepimpinan Kanan FSG termasuklah:

- i. **Penganjuran siri webinar dan seminar** – Ini merupakan pendekatan inovatif yang mengintegrasikan pelbagai bidang kepakaran staf (Rajah 5.5 (1a)).
- ii. **Maklumbalas Kepimpinan 360** - Maklumbalas berkesan mengenai kepimpinan dan pengurusan tertinggi berdasarkan kaji selidik.
- iii. **Inovasi ‘Succession Plan’** - Memastikan kesinambungan dan kestabilan budaya kerja FSG dengan menyediakan proses yang sistematik untuk menggantikan peralihan jawatan (Rajah 5.5 (1b)).
- iv. **‘Single Channel Reporting’** – Melalui **‘website RIA FSG’**, merupakan platform pengumpulan dan penyimpanan data sumber manusia di FSG secara sistematik untuk merekod maklumat. Justeru memudahkan penyelarasan data dan memastikan rujukan yang mudah diakses oleh semua pihak (Rajah 5.5 (2a)).
- v. **Inovasi ‘Website’ Unit Makmal** – Penubuhan unit khas makmal ini memberi sokongan penting kepada staf dan pelajar FSG dalam menguruskan penyelidikan (Rajah 5.5 (3a)). Unit ini meliputi makmal pengajaran dan penyelidikan, sistem tempahan dan penggunaan makmal (*Picktime*) (Rajah 5.5 (3b)), serta direktori dan senarai bahan kimia (Rajah 5.5 (3c)). Malahan telah memudahkan pengurusan dan akses makmal secara sistematik.

Keberkesanan tindakan penambahbaikan pengurusan sumber manusia di FSG telah terbukti melalui pelbagai kejayaan yang bukan sahaja diiktiraf di peringkat nasional, malah turut diangkat ke arena antarabangsa. Pencapaian yang menyeluruh ini merangkumi kejayaan dalam bidang sukan, di mana warga FSG bukan sahaja menjadi **atlet cemerlang**, tetapi juga memainkan peranan sebagai **jurulatih** (Rajah 5.5 (4a)), **projek komuniti yang dilaksanakan memberikan impak signifikan kepada masyarakat** (Rajah 5.5 (4b)), manakala dalam bidang penyelidikan, FSG telah mencatat kemenangan dalam **Pertandingan KIK, penghasilan inovasi** yang mantap, dan melahirkan saintis yang tersenarai dalam **World Top 2% Scientist** (Rajah 5.5 (4c)). Tambahan pula, kesediaan pihak luar untuk menjalin **14 MoU/MoA** dengan FSG memberikan impak luar biasa dalam mencapai objektif penyelidikan, menghasilkan penerbitan berimpak tinggi, serta pengkomersialan hasil inovasi (Rajah 5.5 (4d)).

Staf merupakan elemen teras yang berharga dalam organisasi FSG UiTM. Oleh itu, **pengiktirafan dan penghargaan adalah kunci** dalam memastikan usaha dan sumbangan mereka mendapat perhatian yang sewajarnya. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, pihak Kepimpinan Kanan FSG telah memberikan pengiktirafan kepada staf yang telah mencapai prestasi luar biasa sepanjang tahun 2023 melalui **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** (Rajah 5.5 (5a)). Selain itu, **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022**, sebuah inisiatif strategik yang bertujuan untuk memacu peningkatan prestasi staf FSG sekaligus memperkukuhkan kejayaan keseluruhan FSG (Rajah 5.5 (5b)). Bagi memperkukuhkan lagi semangat kebersamaan dan kerjasama di kalangan warga FSG, pelbagai aktiviti **‘Majlis Raya Ceria’** dan **Gotong-royong Merdeka** ((Rajah 5.5 (5c), (Rajah 5.5 (5d)). turut dianjurkan. Aktiviti-aktiviti ini merupakan strategi berterusan pihak Kepimpinan Kanan FSG dalam membina persekitaran kerja yang dinamik dan inspiratif. Melalui pendekatan ini, setiap staf bukan sahaja dihargai atas sumbangan mereka tetapi juga didorong untuk terus cemerlang dalam tugas mereka, memperkukuhkan komitmen dan prestasi keseluruhan fakulti.

Natijah daripada pengurusan yang cekap dan sokongan padu terhadap pembangunan staf, **integrasi yang terbentuk telah berjaya mencetuskan budaya peningkatan kompetensi dan profesionalisme yang kukuh**, selari dengan laungan keramat fakulti **#FSGPadu**.

GENERAL POINT:

1. [K0019_S01_SB05_20241_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0019_S01_SB05_20242_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_S01_SB05_20243_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5 \(3\).pdf](#)
4. [K0019_S01_SB05_20244_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5 \(4\).pdf](#)
5. [K0019_S01_SB05_20245_FSG_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5 \(5\).pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Gunaan (FSG) percaya semua warga FSG daripada segenap lapisan adalah aset yang sangat bernilai tinggi dan mempunyai nilai dan kebolehan yang tersendiri untuk menyumbang kepada kecemerlangan operasi di fakulti. Maka, FSG menggalakkan dan menyokong warganya untuk menyumbang dan menyerlahkan potensi dan bakat masing-masing agar ianya dioptimumkan sejajar dengan *Tagline UiTM* iaitu *Unleashing Potentials, Shaping the Future*. Tiga operasi utama yang menjadi teras kecemerlangan operasi di FSG dalam menghasilkan staf yang berilmu dan cekap dalam menjalankan tugas mengikut portfolio masing-masing adalah tertumpu kepada operasi berikut: **(1) Operasi pengurusan pengetahuan dan kemahiran staf ('EXPERT')**, **(2) Operasi pemangkin pembangunan kerjaya staf ('EXCELLENT')** dan **(3) Operasi pembangunan staf yang memberi impak kepada masyarakat dan ekonomi ('SYNERGY')**

Perancangan bagi pengoperasian FSG sepanjang tahun 2023 adalah tertumpu kepada 13 Projek yang telah didaftarkan di bawah *Strategic Action Plan (SAP)* FSG. Projek-projek melibatkan pelbagai bahagian iaitu **Pentadbiran (4 projek utama, 13 aktiviti)**, **Hal Ehwal Akademik (3 projek utama, 13 aktiviti)**, **Hal Ehwal Pelajar (2 projek utama, 7 aktiviti)** serta **Penyelidikan & Inovasi dan Industri, Komuniti dan Jaringan Alumni (4 projek utama, 14 aktiviti)**. Secara keseluruhannya **47 aktiviti** dirancang dan telah dilaksanakan dengan jayanya.

Pelaksanaan operasi bagi kesemua projek serta aktiviti di FSG dilaksanakan melalui *top-down approach management system* yang menjadikan kepimpinan kanan di FSG sebagai *lead director* dan *project director*. Manakala kesemua warga FSG diberi peluang untuk mengemudi dan menjalankan tanggungjawab masing-masing melalui pelbagai jawatankuasa yang diwujudkan bagi memastikan kelestarian kualiti operasi FSG. Keterlibatan staf FSG di dalam jawatankuasa yang membantu pengoperasian di FSG secara umumnya merangkumi penglibatan gabungan semua staf akademik dan pentadbiran pada semua peringkat dengan menggunakan formula "1 staf, 2 jawatankuasa". Selain itu, pelaksanaan inisiatif program **mentor-mentee bagi staf akademik** dan **program coaching pentadbiran** telah dipraktikkan di FSG bagi memastikan warga FSG mendapat bimbingan yang sewajarnya dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Pemantauan bagi setiap projek dan aktiviti yang dirancang dilakukan secara berkala melalui mesyuarat dan perjumpaan secara fizikal dan juga dalam talian bagi memastikan setiap projek mencapai objektif yang telah ditetapkan. Secara umumnya, pemantauan setiap projek yang melibatkan pembangunan staf dipantau sepenuhnya oleh pejabat pentadbiran FSG yang diterajui oleh dekan dan dan dibantu oleh kepimpinan kanan FSG.

Sistem kerja dan operasi di FSG adalah berpandukan kepada **Manual Kualiti dan Tadbir Urus FSG**. Manual ini menjadi bahan rujukan utama kepimpinan kanan FSG membuat penyelarasan, pemantauan dan penambahbaikan sistem pengurusan kualiti dan pentadbiran. Selain itu, sebanyak **15 prosedur kualiti operasi dan 9 prosedur kualiti pengurusan** telah dilaksanakan di FSG yang memperincikan prosedur yang perlu dipatuhi bagi memastikan sesuatu operasi itu lancar dan teratur. Secara amnya, pencapaian dan kemajuan kerjaya setiap program pembangunan kerjaya staf akademik dinilai oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) manakala bagi staf pentadbiran dinilai oleh Timbalan Pendaftar FSG akan menyelaraskan dan bagi staf makmal dinilai oleh Timbalan Pegawai Sains FSG. Pegawai penilai melaporkan pencapaian semua staf kepada kepimpinan kanan FSG secara berkala bagi tujuan **penambahbaikan. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) FSG** telah dijadikan platform utama bagi kepimpinan kanan FSG dalam **penambahbaikan sistem pengurusan kualiti FSG**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bertunjangkan Pelan Strategik UiTM2025, pengoperasian FSG bagi mencapai objektif bidang tumpuan dibentuk menggunakan **Model Inovasi Kecemerlangan Operasi Pengurusan dan Pembangunan Staf *Expert-Excellent-Synergy* (EES)** dengan penumpuan kepada **3 proses utama (1)Operasi pengurusan pengetahuan dan kemahiran staf ('EXPERT'), (2)Operasi pemangkin pembangunan kerjaya staf ('EXCELLENT') dan (3)Operasi pembangunan staf berimpak kepada masyarakat dan ekonomi ('SYNERGY')** (Rajah 6.2(1a)). Perancangan inisiatif pelan tindakan strategik (SAP) dipacu oleh *Think Tank Group* dengan menyasarkan sinergi staf akademik dan pentadbiran. **Tujuh (7) projek SAP** berkaitan bidang tumpuan **digerakkan oleh Skuad Operasi** bagi mencapai semua objektif strategik yang dirancang (Rajah 6.2(1b)). Perancangan operasi SAP ini **sejajar dengan Objektif Kualiti FSG** ke arah mencapai misi **GRU2025**.

Operasi 1: Operasi pengurusan pengetahuan dan kemahiran staf ('EXPERT')

- a. Prosedur pengurusan latihan staf dan tatacara bagi menjalani latihan (Rajah 6.2(2a)) telah berjaya memastikan setiap warganya berjaya **melengkapkan 42 jam latihan**.
- b. Galakan pembelajaran sepanjang hayat dan peluang peningkatan kemahiran di kalangan staf pentadbiran dioptimumkan dengan penganjuran **9 latihan kompetensi dalaman** sepanjang tahun 2023 (Rajah 6.2(2b)).
- c. **Inovasi skuad operasi FSG Boleh!** telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf menjalankan skop kerja masing-masing dengan tumpuan diberikan kepada penubuhan jawatankuasa dan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dan Kecemerlangan Operasi (OE) yang dianggotai 10 staf akademik dan 31 staf pentadbiran sebagai Skuad Operasi (Rajah 6.2(2c))

Operasi 2: Operasi pemangkin pembangunan kerjaya staf ('EXCELLENT')

- a. **Proses pengendalian permohonan geran** telah berjaya mengumpulkan sejumlah 74 permohonan geran FRGS peringkat FSG (Rajah 6.2(3a)).
- b. **Penganjuran Klinik Pemurnian Geran FRGS 2023 FSG, webinar dan bengkel melalui inisiatif RIA-Grant** (Rajah 6.2(3b)) telah melonjakkan bilangan staf menjadi PI geran kebangsaan, industri dan antarabangsa (Rajah 6.2(3c)).
- c. **Bengkel penulisan jurnal berindeks (inisiatif RIA-Publication)** (Rajah 6.2(4a)) membantu >70% staf akademik dalam senarai *Monitor, Enforce & Execute* (MEE) berjaya menerbitkan artikel sebagai 'corresponding author'.
- d. Inisiatif **FSG PRO 2.0 menggalakkan ketampakan bakat staf FSG** sebagai 'world class faculty members' melalui pengiktirafan lantikan mereka dan aktiviti mobiliti yang diuarikan di media sosial fakulti (Rajah 6.2(4b)). **Inovasi JK Korporat FSG** menyediakan tatacara dan platform telah mengurangkan ketirisan data pencapaian operasi bidang tumpuan (Rajah 6.2(4c)).
- e. **Tatacara proses kenaikan pangkat staf** adalah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh UiTM (Rajah 6.2(4d)). Penganjuran bengkel sesi perkongsian memberi peluang kepada staf untuk berinteraksi dan bermotivasi untuk menelusuri proses permohonan kenaikan pangkat (Rajah 6.2(4e)).

Operasi 3: Operasi pembangunan staf yang memberi impak kepada masyarakat dan ekonomi ('SYNERGY')

- a. Proses kerja jalinan kolaborasi inisiatif **KIA-ICAN** (Rajah 6.2(5a)) dan **sesi webinar@KIA** sebagai wadah perkongsian pengetahuan proses permohonan MoU/MoA menyaksikan skuad operasi PJIA FSG berjaya mengumpulkan 7 rakan kolaborasi di Majlis Menandatangani Usahasama pada November 2023 (Rajah 6.2(5b)).
- b. Inisiatif **FSG-Go Global 2.0** menyemarakkan kolaborasi dinamik staf akademik dengan masyarakat dalam dan luar negara melalui perkongsian maklumat dan kepakaran. (Rajah 6.2(5c)).
- c. **Ekosistem edupreneur FSG** disokong dengan **menyediakan kemudahan makmal inkubasi** bagi merencanakan aktiviti pengkomersilan (Rajah 6.2(5d)) yang mendorong pertumbuhan ekonomi melalui penciptaan produk/teknologi baharu yang berkualiti.

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_O01_OB02_20241_LAMPIRAN OPERASI 6.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB02_20242_LAMPIRAN OPERASI 6.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB02_20243_LAMPIRAN OPERASI 6.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB02_20244_LAMPIRAN OPERASI 6.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_O01_OB02_20245_LAMPIRAN OPERASI 6.2\(5\).pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSG mengadaptasi Model **Plan, Do, Check, Action (PDCA)** untuk mengkaji proses operasi utama yang menyokong pelan tindakan dan pencapaian hasil bidang tumpuan (Rajah 6.3(1a)). Mekanisme perluasan operasi bidang tumpuan difokuskan kepada 3 kaedah utama (Rajah 6.3(1b)).

Perluasan Peringkat FSG:

- a. Taklimat Pengurusan Kanan dan emel rasmi – Platform komunikasi hebahan maklumat, rakaman dan slaid mengenai aktiviti perluasan tiga proses utama operasi bidang tumpuan (Rajah 6.3(2a)).
- b. Laman sesawang utama FSG – Platform rasmi hebahan carta alir operasi berkaitan bidang tumpuan (Rajah 6.3(2b)).

Perluasan Peringkat UiTM dan Kebangsaan:

- a. Laman sesawang Unit Makmal FSG membantu penyampaian maklumat operasi kepada warga FSG dan pelanggan luar dicapai dengan mudah dan berkesan. Akses modul pembelajaran penggunaan peralatan/instrumen makmal secara dalam talian boleh dirujuk oleh seluruh warga UiTM (Rajah 6.3(3a)).
- b. Lawatan penanda aras oleh delegasi staf makmal UPM ke FSG dan sesi perkongsian amalan baik pengoperasian dan tadbir urus makmal (Rajah 6.3(3b)).
- c. Webinar@RIA – Akses maklumat senarai penyelidik dan bidang kepakaran serta pusat maklumat berkaitan siri latihan dan pautan rakaman yang boleh diakses di seluruh Malaysia (Rajah 6.3(3c)).
- d. Aktiviti promosi dan pemasaran produk eduprenuer – Penglibatan pensyarah trek pengamal industri bersama masyarakat sempena Istiadat Konvokesyen UiTM ke-96 & Ekspo Selangkah ke UiTM sebagai medium pengkomersilan produk (Rajah 6.3(3d)).
- e. Kemunculan staf di media cetak dan elektronik tempatan – Edupreneur FSG di rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) mempromosi produk Dr Azri's Perfume yang dikomersilkan di platform Shopee (Rajah 6.3(3e)).

Perluasan Peringkat Global:

- a. Laman sesawang FSG & akaun media sosial FSG (Facebook, Instagram) – hebahan penganjuran dan pelaksanaan aktiviti pembangunan staf serta pencapaian dan kejayaan staf FSG (Rajah 6.3(4a)).
- b. Penerbitan artikel berimpak penyelidik FSG di jurnal antarabangsa dengan jumlah sitasi yang tinggi membolehkan **2 staf FSG tersenarai sebagai "World's Top 2% Scientist**. Seramai **6 staf FSG** tersenarai sebagai **penyumbang terbesar dalam penerbitan artikel jurnal kuartil 1 dan 2 (Q1 & Q2)** sebagai penulis utama bagi penerbitan tahun 2023 (Rajah 6.3(4b)).
- c. Penganjuran konferensi antarabangsa pada tahun 2023 menjadi bukti kemampuan staf FSG mengemudi acara. International Conference of Analytical Science 2023 berjaya menjana sebanyak RM32,911.95 dengan 70 artikel penerbitan Malaysian Journal of Analytical Sciences (MJAS) (Rajah 6.3(4c)). Manakala International Conference of Science Technology and Social Sciences (ICONSTAS 2023) berjaya menjana pendapatan sebanyak RM34,997.48 dengan

penerbitan melibatkan 62 artikel prosiding dan 11 artikel jurnal. Komiteresi ini disertai oleh 41 delegasi dalam negara dan 24 delegasi dari luar negara (Rajah 6.3(4d)).

d. Kepakaran staf akademik diperluaskan melalui Knowledge Transfer Program bersama komuniti tempatan dan antarabangsa (Rajah 6.3(5a)).

e. Inovasi komersial edupreneur FSG (UNA Coffee dan Dr Azri's Perfume) diperluaskan ke peringkat antarabangsa di 20th China-ASEAN Expo bertempat di Nanning, China (Rajah 6.3(5b)).

Perluasan operasi yang komprehensif, inventif dan efisien telah membuktikan dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus Kepimpinan Kanan FSG ke arah kelestarian pencapaian bidang tumpuan yang berimpak tinggi di peringkat global. Seajar dengan aspirasi UiTM, FSG beriltizam mencapai Globally Respected 2024 dan seterusnya diiktiraf sebagai Globally Renowned University menjelang 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB03_20241_LAMPIRAN OPERASI 6.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB03_20242_LAMPIRAN OPERASI 6.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB03_20243_LAMPIRAN OPERASI 6.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB03_20244_LAMPIRAN OPERASI 6.3\(4\).pdf](#)
5. [K0019_O01_OB03_20245_LAMPIRAN OPERASI 6.3\(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil jangkaan daripada pelaksanaan mekanisme pemantauan dalaman yang menyokong kepada pencapaian bidang tumpuan dinyatakan dalam Rajah 6.4.1.

FSG telah melaksanakan aktiviti semak dan pantau yang strategik (Rajah 6.4.1 (2a)). Laman sesawang RIA@FSG dibangunkan sebagai medium pelaporan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Rajah 6.4.1 (2b)). Semua data dianalisis secara terperinci sebelum dibentangkan dalam pelbagai mesyuarat bersama Pengurusan Kanan FSG (Rajah 6.4.1 (2c)). Pemantauan pengoperasian juga dilaksanakan melalui Audit Dalam FSG dan Audit Luar IQMS oleh InQKA dan BPPA (Rajah 6.4.1 (2d)). Berikut merupakan hasil keberkesanan operasi yang dicapai oleh FSG melalui aktiviti pemantauan operasi bidang tumpuan.

Keberkesanan operasi pengurusan pengetahuan dan kemahiran staf

- a. FSG menyaksikan peningkatan jumlah staf yang berjaya melengkapkan minima 42 jam latihan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022) (Rajah 6.4.1(3a))
- b. Penganjuran 9 kursus kompetensi dalaman FSG yang telah dimanfaatkan oleh **210 peserta** dalam dan **70 peserta luar FSG** (Rajah 6.4.1(3b)).

Keberkesanan operasi pemangkin pembangunan kerjaya staf

- a. Pencapaian peratusan pensyarah berkelayakan Ph.D pada tahun 2023 iaitu sebanyak 89.2% yang menghampiri sasaran objektif Kualiti FSG 2019-2025 (Rajah 6.4.1(4a))
- b. Seramai 9 orang staf akademik dan 7 orang staf pentadbiran telah menerima pelantikan kenaikan pangkat sepanjang tahun 2023 (Rajah 6.4.1(4b)).
- c. Seramai 50 orang staf akademik FSG telah diamanahkan untuk memegang pelbagai jawatan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) luar (Rajah 6.4.1(4c)).
- d. FSG merekodkan peningkatan jumlah penerbitan berindeks Scopus/WoS/ERA sebanyak 63.4% sejak tahun 2020 ((Rajah 6.4.1(4d)) dan merekodkan peningkatan 38% bagi penerbitan bersama rakan penulis antarabangsa pada tahun 2023 (Rajah 6.4.1(4e)).

Keberkesanan operasi pembangunan staf berimpak kepada masyarakat dan ekonomi

- a. FSG telah melaksanakan 31 Program USR, KTP, dan 2 program SULAM di peringkat antarabangsa (Rajah 6.4.1(5a))
- b. FSG merekodkan penjana pendapatan sebanyak RM235.655.47 pada tahun 2023, melebihi 5 kali ganda daripada sasaran yang telah ditetapkan (Rajah 6.4.1(5b))
- c. Kepakaran staf akademik FSG di peringkat antarabangsa terserlah dengan keterlibatan dalam 49 aktiviti pergerakan keluar staf sepanjang tahun 2023 (Rajah 6.4.1(5c)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0019_O01_OB04_OC01_20241_LAMPIRAN OPERASI 6.4.1\(1\).pdf](#)

-
2. [K0019_O01_OB04_OC01_20242_LAMPIRAN OPERASI 6.4.1\(2\).pdf](#)
 3. [K0019_O01_OB04_OC01_20243_LAMPIRAN OPERASI 6.4.1\(3\).pdf](#)
 4. [K0019_O01_OB04_OC01_20244_LAMPIRAN OPERASI 6.4.1\(4\).pdf](#)
 5. [K0019_O01_OB04_OC01_20245_LAMPIRAN OPERASI 6.4.1\(5\).pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko operasi merupakan satu pendekatan yang diambil bagi memastikan kelestarian sistem penyampaian dan pengurusan FSG. Pengurusan risiko dibuat berdasarkan **Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015** dan **Panduan Pengurusan Risiko FSG (PK.UiTM.FSG.01)**. FSG memastikan pengoperasian bidang tumpuan terlaksana secara sistematik melalui lima mekanisme (Rajah 6.4.2(1)).

Kepimpinan kanan FSG memperkasakan Unit Pengurusan Risiko dengan melantik Penyelaras Risiko (PR) dan Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) (Rajah 6.4.2(2)). PR berperanan mengkoordinasi mesyuarat dan bengkel (Rajah 6.4.2 (3a)) manakala JPR bertindak mengenalpasti maklumat risiko, mengkaji semula dan mengesyorkan strategi, polisi dan toleransi risiko berdasarkan carta alir operasi pengurusan risiko (Rajah 6.4.2 (3b)). Seterusnya pelaporan aktiviti pentaksiran dan kawalan risiko dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR) yang diadakan tiga kali setahun dan juga Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan dua kali setahun (Rajah 6.4.2 (4a)). Akhirnya pelan intervensi dimuat naik ke dalam sistem pelaporan daftar risiko e-RMS (Risk Management System) (Rajah 6.4.2 (4b)).

FSG mengklasifikasikan pengurusan risiko operasi kepada tiga proses utama (i) Operasi pengurusan pengetahuan dan Kemahiran staf (Rajah 6.4.2(5a)), (ii) Operasi pembangunan kerjaya Staf (Rajah 6.4.2(5b)) (iii) Operasi pembangunan staf berimpak kepada masyarakat dan ekonomi (Rajah 6.4.2(5c)). Tindakan pencegahan risiko operasi seterusnya dirancang secara strategik bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan. Kekurangan staf yang terlibat dalam penghasilan produk berasaskan operasi, kualiti dan inovatif diatasi dengan gabung jalin antara staf akademik dan pentadbiran bagi menjayakan projek tersebut (Rajah 6.4.2(5a)). Impaknya, FSG telah merangkul juara keseluruhan bagi Anugerah Kualiti Naik Cencelor (AKNC) 2023. Manakala, perolehan geran yang tidak mencapai sasaran diatasi melalui penganjuran webinar berkaitan (Rajah 6.4.2(5b)), seterusnya melonjakkan perolehan geran antarabangsa sebanyak 133% pada tahun 2023 berbanding 2022. PJAIA menghubungkan penyelidik dengan BITCOM bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengkormesialan seterusnya melonjakkan penghasilan produk inovasi (Rajah 6.4.2(5c)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB04_OC02_20241_LAMPIRAN OPERASI 6.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB04_OC02_20242_LAMPIRAN OPERASI 6.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB04_OC02_20243_LAMPIRAN OPERASI 6.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB04_OC02_20244_LAMPIRAN OPERASI 6.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0019_O01_OB04_OC02_20245_LAMPIRAN OPERASI 6.4.2\(5\).pdf](#)

6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa pemantauan terhadap pengoperasian bidang tumpuan telah dilaksanakan oleh FSG bagi tindakan penambahbaikan berdasarkan input yang diperolehi melalui Audit Dalam FSG (Rajah 6.4.3(1a)) dan mesyuarat pelaporan berkala setiap sukuan oleh pengarah projek bersama PSTU (Rajah 6.4.3(1b)). Seterusnya Tindakan susulan diambil dengan mengenalpasti proses kerja yang tidak cekap serta kekurangan dan halangan yang boleh menjejaskan pencapaian hasil bidang tumpuan tersebut.

Tindakan kaji semula pengoperasian proses kerja di FSG melalui pelaksanaan projek Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) telah menambah baik prosedur operasi pengendalian makmal melalui projek e-HELAI SDS. Analisa penambahbaikan operasi tersebut telah dibuat dan hasilnya dikongsi dengan warga (Rajah 6.4.3(2)). Pengoperasian makmal penyelidikan terus diperkasakan melalui inovasi sistem tempahan makmal iaitu *Picktime* yang memberikan akses kepada penyelidik dan pelajar menempah slot penggunaan makmal atau peralatan secara sistematik (Rajah 6.4.3(3a)).

Seterusnya, penambahbaikan pengurusan bahan kimia secara gunasama terus diperkasakan dengan inovasi sistem elektronik SETELUS (Rajah 6.4.3(3b)) yang memberi capaian mudah kepada penyelidik mendapatkan akses kepada bahan kimia yang boleh digunakan dan mengelakkan lambakan bahan kimia daripada berlaku. Bagi meningkatkan kecekapan staf pentadbiran, sistem *mentor-mentee/coaching* melibatkan staf makmal telah diperkasakan dengan kaedah 1 penolong pegawai sains (PPS) menjadi mentor kepada 4-5 staf makmal dengan jawatan yang lebih rendah (Rajah 6.4.3(3c)). Kesemua maklumat ini dikongsi kepada staf melalui sesi libat urus dan pemakluman berterusan oleh Timbalan Pegawai Sains semasa sesi perjumpaan staf bersama kepimpinan Kanan FSG.

Sesi libat urus oleh kepimpinan kanan FSG dan warga penyelidik bersasar (Denominator berpotensi) menjadi antara fokus utama untuk mendorong lebih banyak penerimaan geran penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi (Rajah 6.4.3(4a)). Penubuhan jawatankuasa penyelidikan fakulti yang memantau rapat aktiviti kesarjanaan staf akademik FSG bagi memastikan KPI penyelidikan staf akademik FSG tercapai (Rajah 6.4.3(4b)). FSG mengambil berat penerapan nilai ESI-iDART dikalangan staf FSG bagi menjamin mutu perkhidmatan yang cemerlang. Oleh itu, beberapa siri perkongsian telah dianjurkan bagi memastikan pencapaian matlamat organisasi dapat dipertingkatkan selari dengan matlamat UiTM ke arah GRU2025 (Rajah 6.4.3(4c)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB04_OC03_20241_LAMPIRAN OPERASI 6.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0019_O01_OB04_OC03_20242_LAMPIRAN OPERASI 6.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB04_OC03_20243_LAMPIRAN OPERASI 6.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0019_O01_OB04_OC03_20244_LAMPIRAN OPERASI 6.4.3\(4\).pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberhasilan pembudayaan serta penambahbaikan Model Inovasi Kecemerlangan Operasi Pengurusan dan Pembangunan Staf Expert-Excellent-Synergy (EES) telah memberikan impak yang signifikan bukan sahaja di peringkat UiTM malahan ke peringkat antarabangsa.

Sinergi di antara **staf akademik** dan **staf pentadbiran** dalam projek inisiatif **FSG Boleh!** telah memberi nilai tambah kepada inovasi gerak kerja operasi di FSG. Penubuhan kumpulan yang aktif dalam aktiviti KIK dan OE berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf seterusnya dapat menambahbaik operasi sedia ada dalam gerak kerja operasi FSG. Selain itu, hasil daripada penganjuran **9 latihan kompetensi** dalaman meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan staf menjalankan tugas dan dapat memastikan 100% staf FSG **berjaya melengkapkan 42 jam latihan** (Rajah 6.5 (1a)). Inovasi e-HELAI SDS yang telah mendapat lesen Hakcipta, hasil dari tindakan penambahbaikan prosedur operasi pengendalian makmal, telah berjaya menjimatkan masa proses kerja, kos percetakan dokumen, dan mengurangkan risiko berlaku kemalangan di makmal (Rajah 6.5 (1b)). Hasil inovasi ini telah meluas dimanfaatkan di makmal FSG.

Dalam proses kenaikan pangkat staf akademik dan pentadbiran, kepimpinan kanan FSG telah menganjurkan bengkel kenaikan pangkat dan sesi perkongsian memastikan semua staf FSG dapat mengecapi pembangunan dan perkembangan kerjaya yang baik. Inovasi FSG iaitu program *Mentor-Mentee* bagi staf akademik *Coaching* bagi staf pentadbiran dilihat cara berkesan warga berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam menyusun strategi kemajuan kerjaya masing-masing. Impak yang jelas dapat dilihat berdasarkan rekod bilangan staf yang memohon dan berjaya menerima pelantikan kenaikan pangkat, selain peningkatan staf FSG yang **menerajui dan memegang pelbagai jawatan penting di pusat tanggungjawab (PTJ) luar bermula tahun 2023** (Rajah 6.5 (2a)).

Keberhasilan pembudayaan Inovasi Skuad Operasi PJA diterjemahkan dengan hasil kejayaan penyelidik FSG memenangi pelbagai geran peringkat nasional, industri dan antarabangsa dan seterusnya mampu menghasilkan hasil penerbitan penyelidikan yang berkualiti tinggi. Hasil inovasi **FSG Go Global 2.0** dilihat sebagai pemangkin berkesan kepada kemajuan kerjaya staf melalui laluan yang disediakan untuk menjalinkan hubungan simbiosis dengan rakan strategik antarabangsa. Bilangan penglibatan aktiviti *USR*, *KTP* dan *SULAM* bersama rakan kolaborasi membuktikan hasil kerja dan kepakaran staf FSG bukan sahaja dapat disebarkan pada masyarakat tempatan malah turut dimanfaatkan kepada komuniti antarabangsa (Rajah 6.5(2b)). Ini dibuktikan apabila staf FSG mendapat pelbagai pengiktirafan dan anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sokongan padu Kepimpinan Kanan FSG merencanakan aktiviti pengkomersialan produk edupreneur FSG. Hasil jualan Dr Azri's perfume mencecah hampir sejuta (RM 997,596.07) semenjak produk tersebut di komersialkan sehingga Disember 2023. Pada tahun 2023, jumlah nilai jualan yang telah dicatatkan adalah sebanyak RM521,873.99 (2609 % kali ganda dari nilai sasaran tahunan yang telah ditetapkan oleh UiTM). Hasil jualan ini telah dimanfaatkan untuk masyarakat di Kemboja dengan pembinaan telaga (Rajah 6.5 (3a)). Produk hasil penyelidik FSG iaitu *UNA Coffee* dan *Dr Azri's Perfume* telah menembusi pasaran antarabangsa semasa mewakili Malaysia di 20th China-ASEAN Expo (CAEXPO) bertempat di Nanning, China (Rajah 6.5 (3b)).

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa struktur kepemimpinan FSG yang mantap, warga FSG yang berilmu, keberkesanan budaya kerja yang cemerlang serta penambahbaikan operasi yang berterusan menjadi kunci kepada kejayaan yang dikecapi oleh FSG sehingga kini (Rajah 6.5 (4)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0019_O01_OB05_20241_LAMPIRAN OPERASI 6.5 \(1\).pdf](#)

2. [K0019_O01_OB05_20242_LAMPIRAN OPERASI 6.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0019_O01_OB05_20243_LAMPIRAN OPERASI 6.5 \(3\).pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA:

ADAPTASI DAN AMALAN KESEJAHTERAAN DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTERASKAN TAHAP PRESTASI DAN KOMPETENSI DALAM ORGANISASI UiTM, KEBANGSAAN DAN PERINGKAT GLOBAL

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Profil pengurusan sumber manusia Fakulti Sains Gunaan (FSG) memperkasakan dan menitikberatkan peningkatan kerjaya, pencapaian kecemerlangan dan sahsiah modal insan berpaksikan **TIGA** tunjang utama iaitu:

- 1) *World Class Faculty Members*
- 2) *Turning Globally Respected Supporting Staff*
- 3) *Turning Globally Respected Non-Academic Staff*

Tunjang ini telah dirangka secara sistematik mengikut keperluan warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam meningkatkan prestasi serta menyerlahkan potensi setiap individu dan mengambil kira kepentingan modal insan sebagai tunjang kepada pelaksanaan dan kejayaan perancangan fakulti. Keperluan semua peringkat staf baik akademik mahupun pentadbiran diperkembangkan agar mendukung pencapaian **Globally Marketable** 2023 dan Perancangan Strategik UiTM 2025.

Model Pembangunan Sumber Manusia berkonsepkan *Gain, Train, Retain* and *Risk* telah dirangka oleh **Kepimpinan Kanan FSG** secara bersistematik mengikut keperluan staf untuk memastikan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman diperolehi sekaligus meningkatkan prestasi serta menyerlahkan potensi setiap individu. Model ini bersifat komprehensif dan holistik dengan pembudayaan nilai ESI (*Excellence, Synergy* dan *Integrity*) dan i-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab) sebagai asas dalam membuat keputusan dan tindakan.

Tema-tema ini dipilih untuk mengetengahkan pencapaian utama sumber manusia FSG yang berprestasi tinggi hasil daripada gabungan kecemerlangan dan kompetensi modal insan serta keberkesanan proses amalan tadbir sumber manusia yang berstruktur dengan nilai tambah holistik. Inisiatif pengurusan dan pembangunan bakat bermula daripada pementapan proses pemilihan staf akademik baharu (*Gain*). Kriteria pemilihan mengutamakan calon dalam bidang yang diperlukan, dengan berkelulusan Doktor Falsafah (PhD), berkelayakan profesional dan/atau mempunyai pengalaman industri serta personaliti yang sesuai dengan keperluan fakulti diberi kredit tambahan. Pencapaian staf FSG berkelulusan PhD kini telah pun melebihi tanda aras yang ditetapkan (75%) oleh Kementerian Pengajian Tinggi semenjak tahun 2020 sehingga kini. Program Pembangunan Kompetensi Staf melalui program *mentor-mentee* adalah antara inovasi yang dicetuskan dalam membantu pengurusan bakat dan pembangunan kerjaya staf FSG. Budaya *learning organization (Train)* serta amalan tadbir urus yang holistik melalui Model Pelan Penggantian dan penstrukturan semula staf pentadbiran (*Retain*) telah berjaya membangunkan tenaga kerja yang berprestasi tinggi. Kelestarian aktiviti menghasilkan impak dibuktikan dengan sinergi antara staf akademik dan pentadbiran dalam menjalankan tugas hakiki.

UiTM *Happiness Index* (UHI 5.0) merupakan satu rujukan penting bagi mengukur tahap kegembiraan staf UiTM yang memberi cerminan kepada keberkesanan dan kecekapan pengurusan fakulti. FSG telah mencapai lonjakan purata skor dengan kesemua sub-domain melebihi paras 70%. Secara purata, staf akademik dan pentadbiran mencatat skor dalam kategori Gembira bagi sub-domain makna. #FSGPadu dan #FSGKuSayang adalah laungan semangat menunjukkan kebersamaan yang tinggi di kalangan warga FSG merangkumi ekosistem tempat kerja yang kondusif telah menyumbang kepada tahap kegembiraan staf dalam meningkatkan prestasi fakulti. Penghayatan nilai-nilai utama UiTM dalam diri setiap lapisan staf diterajui oleh **Kepimpinan Kanan FSG** akhirnya menyumbang kepada kejayaan FSG memenangi Johan Keseluruhan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2023.

Hasil pencapaian sumber manusia ini menonjolkan kejayaan staf FSG dengan berasaskan **TIGA** tema utama iaitu:

- 1) Staf Akademik FSG berkecayaan PhD melepasi Sasaran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Berprestasi Tinggi
- 2) Staf FSG Kompeten dan Amalan Tadbir Urus Berstruktur FSG
- 3) Penghayatan Nilai ESI dan i-DART melalui rujukan *Happiness Index*

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0019_HB02_20241_BAB 7 - 7.1 HASIL 1 - HASIL PELAKSANAAN STRATEGI - TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0019_HB03_20242_BAB 7 - 7.1 HASIL 1 - HASIL PELAKSANAAN STRATEGI - TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0019_HB04_20243_BAB 7 - 7.1 HASIL 1 - HASIL PELAKSANAAN STRATEGI - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0019_HB05_20244_BAB 7 - 7.1 HASIL 1 - HASIL PELAKSANAAN STRATEGI - KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN KEPADA PELANGGAN:

SINERGI PELANGGAN BERKUALITI PEMANGKIN UTAMA KECEMERLANGAN FSG

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan Kanan Fakulti Sains Gunaan (FSG) sentiasa prihatin dan komited terhadap semua aspek dan dimensi pembangunan staf yang sistematik untuk tujuan peningkatan prestasi dalam melahirkan warga FSG berprestasi tinggi dan cemerlang untuk mencapai UiTM2025 sebagai “**Globally Renowned University**”. Ketersediaan staf FSG berkemahiran tinggi, cekap dan inklusif adalah penting untuk menyokong aktiviti berintensifkan pengetahuan, menjana produktiviti staf dan melonjakkan kehebatan FSG menerusi jalinan kolaborasi bersama **rakan antarabangsa dan tempatan**. Kategori pelanggan FSG adalah terbahagi kepada dua iaitu pelanggan dalaman dan luaran. Pelanggan dalaman melibatkan staf dan pelajar sarjana muda/pascasiswazah selaku penyumbang utama kecemerlangan FSG.

Terdapat **DUA TEMA** dalam hasil utama tumpuan pelanggan yang memberi gambaran secara jelas tentang kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf FSG iaitu:

- 1) Mengoptimumkan Potensi Staf: Pendekatan Integratif untuk Pembangunan Staf FSG melalui Kolaborasi Bilateral Rakan Antarabangsa dan Tempatan**
- 2) Dari Kampus ke Komuniti: Sinergi Bersama Memacu Matlamat Pembangunan Mampan**

Secara keseluruhannya, pencapaian FSG dalam hasil tumpuan kepada pelanggan adalah amat membanggakan. Pencapaian FSG adalah **melebihi sasaran** dan **mengungguli pencapaian** di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Jalinan kerjasama yang erat staf FSG bersama rakan antarabangsa dan tempatan yang merangkumi penggiat industri, agensi kerajaan/ swasta, dan universiti melalui perjanjian “*Memorandum of Understanding (MoU)/ Memorandum of Agreement (MoA)*” bagi meningkatkan nilai tambah dan perkongsian kepakaran di samping dapat mengukuhkan, mempromosikan dan mengembangkan kolaborasi, mencerminkan kompetensi dan keupayaan staf FSG. Hasil kolaboratif strategik dan integratif ini dapat dibuktikan dengan pemerolehan jumlah geran, lonjakan hasil penerbitan bersama pemain industri serta pertambahan jumlah mobiliti staf dan pelajar ke luar negara sekaligus memperkukuhkan serta memperkasakan kecemerlangan FSG.

Staf universiti sebagai pelanggan dalaman sesebuah universiti adalah konsep yang penting untuk difahami dalam konteks pengurusan dan pembangunan institusi pendidikan tinggi. Secara keseluruhannya, penglibatan staf universiti dalam program khidmat masyarakat melalui inisiatif “**University Social Responsibility (USR)**” memberikan pelbagai manfaat yang signifikan kepada pelajar, universiti, dan komuniti. Pencapaian FSG UiTM dalam melaksanakan program **USR** membuktikan staf FSG telah mengembangkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan projek mereka. Kerjasama antara universiti dan komuniti adalah sangat penting dalam mencapai matlamat pembangunan mampan. Ia menggambarkan sinergi yang terbentuk melalui inovasi bersama yang mendorong kemajuan holistik dan berterusan. Dengan menggabungkan kekuatan dan kepakaran kedua-dua pihak, inovasi yang terhasil bukan sahaja memacu kemajuan tetapi juga memastikan ia mampan dan inklusif. Perkara ini dapat membantu ke arah mencapai aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan ke 11 (SDG 11) iaitu melahirkan bandar dan komuniti yang mampan.

Kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf FSG merupakan faktor utama yang menyumbang kepada tahap **pencapaian positif FSG**. Ini dibuktikan dengan kecemerlangan aktiviti FSG pada tahun 2023 hasil sinergi staf akademik dan staf pentadbiran FSG telah merangkul **Anugerah Gangsa Pengurusan Akademik Cemerlang bagi kategori Entiti Akademik** dalam **META 25 2023** dan **Penjanaan Pendapatan Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023**. Sesungguhnya hasil penghayatan nilai **ESI** (*Excellence, Synergy, Integrity*) dan **i-DART** (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab) serta permuafakatan yang ditunjukkan oleh Kepimpinan Kanan FSG, pelanggan dalaman dan luaran mengangkat martabat UiTM di arena antarabangsa.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0019_HB02_20241_HASIL TUMPUAN PELANGGAN - 7.2.2 TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0019_HB03_20242_HASIL TUMPUAN PELANGGAN - 7.2.3 TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0019_HB04_20243_HASIL TUMPUAN PELANGGAN - 7.2.4 PERBANDINGAN TANDA ARAS.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0019_HB05_20244_HASIL TUMPUAN PELANGGAN - 7.2.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

KEUNGGULAN PERANCANGAN STRATEGIK FSG PEMANGKIN KECEMERLANGAN STAF DI PERINGKAT GLOBAL

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Gunaan (FSG) telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan strategi yang berfokus pada peningkatan kualiti staf akademik ke peringkat global. Pencapaian utama FSG dizahirkan melalui empat (4) tema iaitu:

- 1. Tema 1: Penjanaian pendapatan melalui perolehan geran memacu ketampakan staf akademik (penyelidik) ke peringkat global.**
- 2. Tema 2: Keunggulan penerbitan berimpak tinggi memacu staf akademik FSG bertaraf global.**
- 3. Tema 3: FSG kekal cemerlang dengan Skor i-UiTM bertaraf 6 bintang.**
- 4. Tema 4: FSG memacu pembudayaan amalan pengurusan risiko mampan bagi menjamin pencapaian berterusan.**

Pencapaian utama FSG termasuk:

- **Pencapaian Sasaran Pendapatan:** FSG berjaya melepasi sasaran pendapatan melalui perolehan geran penyelidikan iaitu RM4,448,776 pada tahun 2023, melebihi sasaran RM4.2 juta.
- **Peningkatan Bilangan Penyelidik Utama:** Bilangan penyelidik utama untuk geran antarabangsa meningkat kepada 16 penyelidik pada tahun 2023, melebihi sasaran 10 penyelidik.
- **Perolehan Geran FRGS Tertinggi:** FSG memperoleh geran FRGS tertinggi di UiTM pada tahun 2023, iaitu sebanyak RM1,879,710.
- **Peningkatan Penerbitan:** Jumlah penerbitan berindeks meningkat secara signifikan pada tahun 2023, melebihi sasaran.
- **Pencapaian Skor i-UiTM 6 Bintang:** FSG mengekalkan skor i-UiTM 6 bintang, menunjukkan prestasi cemerlang.
- **Pengurusan Risiko Efektif:** FSG melaksanakan amalan pengurusan risiko yang efektif.

Tren positif ini dapat disaksikan dengan jelas melalui peningkatan ketara dalam pendapatan geran, di mana jumlah kumulatif geran aktif mencatat lonjakan yang memberangsangkan dari tahun 2021 hingga 2023. Bilangan penyelidik utama untuk geran antarabangsa juga meningkat pada tahun yang sama. Selain itu, jumlah penerbitan berindeks Scopus/WoS/ERA juga meningkat dari tahun 2021 hingga tahun 2023. FSG telah berjaya mencapai **skor i-UiTM 6 bintang** secara konsisten selama **empat tahun berturut-turut** di mana FSG merupakan **salah satu fakulti yang telah mencapai Skor i-UiTM 6 bintang** pada tahun 2023. Berbanding dengan fakulti lain, FSG telah mencipta sejarah dengan meraih peruntukan geran FRGS tertinggi di UiTM pada tahun 2023. Lebih mengagumkan, fakulti ini juga mendominasi arena akademik dengan mencapai jumlah penerbitan tertinggi dalam jurnal Q1 dan Q2 di UiTM pada tahun yang sama. Berkenaan pelaksanaan projek *Strategic Action (SAP)*, FSG telah mencapai 100% pelaksanaan projek yang didaftarkan dalam sistem UiSMS. Dari segi kepentingan, pencapaian gemilang FSG bukan sahaja telah melonjakkan reputasi universiti ke tahap yang lebih tinggi, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada peningkatan pendapatan UiTM. FSG turut menjalinkan kolaborasi penyelidikan dengan pelbagai pihak malahan FSG komited dalam membangunkan bakat staf akademik dan pentadbiran. FSG telah menunjukkan prestasi

cemerlang dalam pelaksanaan perancangan strategik, meningkatkan kualiti staf akademik, meningkatkan pendapatan melalui geran penyelidikan, jumlah penerbitan, dan mencapai skor i-UiTM 6 bintang. FSG juga berjaya melaksanakan pengurusan risiko yang efektif. Secara keseluruhan, **prestasi FSG membuktikan kejayaan perancangan strategik yang dilaksanakan oleh Kepimpinan Kanan FSG**. FSG terus unggul dalam mencapai matlamat perancangan strategik dan menyumbang kepada kecemerlangan universiti.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0019_HB02_20241_7.3.2 HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA - TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0019_HB03_20242_7.3.3 HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA - TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0019_HB04_20243_7.3.4 HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA - PERBANDINGAN TANDA ARAS.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0019_HB05_20244_7.3.5 HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA - KEPENTINGAN.pdf](#)